قليتا بروني

# Pelita Brunei

ASMI KERAJAAN BRUNEI AKHB...

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

...HUN 28 BILANGAN 30 | RABU 27HB JULAI, 1983. | رابو 16 شوال 1403 | PERCUMA

# ...D.Y.M.M. MENERIMA ...MENGADAP TETAMU2 LUAR NEGERI

BANDAR SERI BEGAWAN.— Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menerima mengadap dua orang tetamu dari luar negeri pada minggu lalu.

Duta Besar Brazil ke Malaysia, Tuan Yang Terutama Awang Sergio F. Guarischi Bath mengadap ke hadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Istana Darul Hana pada hari Isnin 18hb Julai. Dalam istiadat itu, Tuan Yang Terutama Duta Besar Brazil itu telah menyembahkan secara peribadi surat utusan daripada Presiden Brazil sempena kemerdekaan Negara Brunei Darussalam dan yang mana juga menggambarkan kesediaan Negara Brazil untuk meneliti bersama dan menggiatkan tali persahabatan dan kerjasama di antara kedua buah negara.

Pada hari Rabu lepas, Kebawah Duli Yang Maha Mulia menerima mengadap Menteri Pembinaan Republik Korea Selatan, Awang Kim Jong Ho. Menteri Korea itu telah diiringi oleh beberapa orang pegawai kanan dari kementeriannya.

Turut berangkat ke kedua-dua majlis itu ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddin, Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah.

Turut juga hadir ialah Yang Teramat Berhormat Penasihat Umum Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Isa; Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz; Yang Berhormat Pemangku Setiausaha Kerajaan; Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abdul Rahman; dan Peguam Negara Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin.

Duta Brazil berada di sini selama tiga hari sementara Menteri Pembinaan Korea mengadakan lawatan selama 24 jam. Semasa di sini mereka juga membuat kunjungan muhibbah kepada Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar, Y.B. Pemangku Setiausaha Kerajaan dan beberapa orang pegawai kanan Kerajaan.



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam ketika menerima mengadap Duta Besar Brazil ke Malaysia, Tuan Yang Terutama Awang Sergio F Guarischi (atas) dan Menteri Pembinaan Korea Selatan, Awang Kim Jong Ho.



## ...eraduan ...ercucul ...mah2

...an Bercucul ...mah Kampung ...Seri Begawan ...satu acara ...Perayaan Hari ...Kebawah Duli ...Mulia Paduka ...Sultan dan ...uan Negara ...ke-37 Tahun.

...ramai teruta- ...tinggal di ...Air yang ingin ...peraduan ini ...kan meng- ...L LETRIK ...N sahaja yang ...kepada tiga

...an Pejabat- ... Kerajaan ... Sekolah- ...

...an Persatuan- ...an Belia dan ...:

...an Orang- ...Perseorangan.

...penyertaan serta ... lanjut bagi ... peraduan ... didapati ...Pengerusi atau ...Peraduan d/a: ... Stor dan ... Negara, ... Workshop, ...Lama, Bandar ... Brunei.

... tutup penyer- ... Ogos, 1983.

### ...YA IMAN

... yang terbaik ... sesuatu ... selain ...kan ... sopan san- ... riwayat ... daripada ...

# Pengaruh politik asing tidak meroboh asas kenegaraan kita

PEKAN TUTONG. — Pengaruh politik asing terutama sekali sistem politik serta pentadbiran yang diperkenalkan oleh Inggeris semenjak kehadirannya di Brunei telah tidak berhasil merobohkan asas kenegaraan kita yang meletakkan kedaulatan dan kuasa memerintah kepada Raja walaupun ia berjaya mengubah dan memberi corak baharu kepada sistem politik dan kerajaan di lain-lain negeri yang pernah di bawah pengaruhnya.

Ini telah dijelaskan oleh Pengarah Penerangan, Awang Haji Badaruddin ketika berucap di Majlis Ramah Mesra Penerangan Sempena Hari Raya Aidilfitri di Dewan Kemasyarakatan Tutong pada pagi Jumaat lepas.

"Perlembagaan tahun 1959 Undang-Undang Pemasyuran Mengangkat Raja tahun 1959 adalah bukti yang jelas betapa dalam memodenkan corak pemerintahan, negara ini telah memilih bukan sahaja untuk mengekalkan falsafah kenegaraan yang sudah menjadi kebudayaan bangsa bahkan memberi nafas baru kepada falsafah itu untuk menjelmakannya kepada kenyataan bahawa negara Brunei Darussalam terus-menerus kukuh dan teguh sebagai negara yang bertuhankan Allah s.w.t., bersultan dan beradap sopan — yang memberi dan meletakkan kedaulatan kepada Raja yang menjadi pemegang kuasa tertinggi memerintah menurut perlembagaan dan peruntukan undang-undang," tegas beliau.

Falsafah kenegaraan itu, kata beliau lagi, bukanlah falsafah yang dirangai-rangai menurut keinginan atau kecenderongan seseorang atau satu-satu kalangan tertentu. Bahkan ia sebenarnya mempunyai asas yang berakar tunjang dalam sejarah bangsa kita sepanjang pengalamannya bernegara dan berkerajaan iaitu negara dan Kerajaan Kesultanan Melayu Islam.

Bahagian Penerangan, jelas Awang Haji Badaruddin terutama pada akhir-akhir ini telah dengan secara jujur mengajak kepada pemikiran-pemikiran yang sekira-kira boleh menimbulkan kesedaran bagi menolak dan mengikis sebarang waham dan walang terhadap sistem pemerintahan yang ada.

Sebenarnya tidak ada sebab yang kuat untuk menjadikan kita berasa waham dan walang selama mana tujuan dan niat kita berkerajaan dan berpemerintahan ialah untuk melihat negara ini dan bangsa kita berkeadaan selamat dan sejahtera, makmur, mewah serta bermaruah di mana setiap orang pada keseluruhannya merasakan dirinya mempunyai kepentingan yang akan dipeliharakannya, merasakan dirinya selamat dan dihargakan sehingga ia berbangga sebagai sebahagian daripada isi Brunei yang bertuah," Pengarah Penerangan menyakinkan.

Lihat muka 16

Pelita Brunei
DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

27HB JULAI, 1983

*Dengan nama Allah yang pemurah dan maha penyayang*

## FALSAFAH BERNEGARA:

# MEMBERI DAN MELETAKKAN KEDAULATAN KEPADA RAJA

Adalah tidak mengejutkan manakala orang ramai diberitahu bahawa kita di Brunei menerima dan menjunjung falsafah bernegara yang meletakkan kedaulatan dan kuasa memerintah kepada Raja secara berperlembagaan dan berundang-undang.

Pengarah Penerangan telah mengketengahkan kedudukan falsafah tersebut yang menurutnya mempunyai asas-asas yang kuat dalam sejarah dan kebudayaan bangsa dalam sepanjang pengalamannya bernegara dan berkerajaan sebagai sebuah Kesultanan Melayu Islam. Sesungguhnya perkara ini bukanlah perkara yang baharu atau suatu rumusan yang baharu. Cuma yang agak lain dan kelihatan baharu ialah ia telah disebutkan dengan rantang dan berterus terang dalam usaha mengajak rakyat dan penduduk negeri ini menilai serta menghargakan sistem pemerintahan dan kerajaan negara ini.

Dalam kedua-dua ucapannya di Pekan Tutong dan di Kuala Belait, Pengarah Penerangan menyatakan keyakinannya bahawa asas dan falsafah kenegaraan Brunei yang meletakkan kedaulatan dan kuasa memerintah kepada Raja secara berperlembagaan dan berundang-undang itu bukan sahaja telah dikekalkan dengan kuatkuasa Perlembagaan tahun 1959 bahkan telah diberi nafas baru dalam menentukan arah dan haluan berpemerintahan di mana Kerajaan ditubuhkan atau dibentuk dan mendapat kuasa-kuasanya daripada Sultan-sultan yang memerintah. Dalam kedua-dua ucapannya itu Pengarah Penerangan menyatakan keyakinannya bahawa setakat ini beliau tidak menampak bahawa pengaruh politik serta pentadbiran yang diperkenalkan oleh Inggeris semenjak kehadirannya di Brunei berhasil merobohkan asas falsafah tersebut atau mengubahnya dengan mengurangkan ciri-ciri kedaulatan Raja yang mempunyai rakyat dan yang menjunjung kemuliaan ugama Allah. Pentadbiran Inggeris yang diketuai oleh British Resident pada zaman-zamannya dipercayai tidak dapat bertolak dari kuasa dan kedaulatan Sultan-sultan Brunei. Dan apabila pentadbiran secara ber'Resident' digantikan dengan pentadbiran secara ber'Menteri Besar' pada tahun 1959 pun pentadbiran yang baharu itu tidak dapat bertolak dari kuasa dan kedaulatan Sultan. Dengan yang demikian Pengarah Penerangan telah menghujjah bahawa sementara Inggeris berjaya mengubah atau memberi corak baharu kepada sistem politik dan kerajaan di negeri-negeri yang pernah dikuasainya tetapi ia kelihatan gagal berbuat sedemikian itu ke atas Brunei.

Tetapi adakah kegagalan tersebut patut kita kesali? Dan sebaliknya andainyalah sistem politik dan kerajaan yang diperkenalkan oleh British dapat menggantikan sistem politik dan berkerajaan yang turun-temurun menjadi falsafah negara kita iaitu merobohkannya atau mengurangkan ciri-ciri kedaulatan Raja — adakah pula kita merelakannya?

Kepada kedua-dua soalan tersebut Pengarah Penerangan percaya bahawa kita yang mencintai negara ini, yang menjunjung kedaulatannya dan kedaulatan bangsa dalam hubungannya dengan kuasa asing tentu tidak akan merelakan kuasa dan pengaruh asing itu merosakkan sesuatu yang bernilai seperti falsafah kenegaraan kita yang memberi dan meletakkan kedaulatan serta kuasa memerintah kepada Raja. Samalah juga tidak patut ada orang kita menyesali kegagalan Inggeris yang tidak berjaya menguatkuasakan sistem politik yang kononnya memberi kuasa kepada rakyat untuk mentadbir dan memerintah.

Dan adalah menghairankan jika misalnya ada sesiapa merasa hampa dan walang apabila negara ini menamatkan perhubungan-perhubungan istimewanya dengan Great Britain ia kekal sebagai sebuah Kesultanan Melayu Islam. Kesemua itu tidak patut direlakan, dikesali serta diwalangkan malah yang sepatutnya kita semua hendaknya bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. yang Brunei negara [illegible] Allah untuk tetap utuh dengan [illegible] yang antaranya ialah kekal dengan [illegible] berkerajaan dan berpemerintahan [illegible] meletakkan kedaulatan kepada Raja [illegible]

Meneliti kepada pemikiran-pem[illegible] tangkan berhubung dengan falsafah [illegible] percaya tujuannya ialah untuk meng[illegible] penduduk memahami amalan poli[illegible] tahan menurut cara yang sudah te[illegible] mendatangkan kebajikan kepada [illegible] masa yang sama tentulah ia meny[illegible] semua tidak mudah keliru oleh seb[illegible] fahaman politik semata-mata kerana [illegible] semboyan-semboyan tertentu di ma[illegible] dan konsep yang kelihatan menarik [illegible] selera itu terdapat tarikan-tarikan yang [illegible] merobohkan asas falsafah kenegaraan [illegible] turun-temurun dan berakar umbi dalam [illegible] kebudayaan kita.

Kita yakin dan percaya rakyat serta [illegible] masa ini sudah mampu menimbang [illegible] faedah-faedah dan kebajikan amalan [illegible] berkerajaan yang memberi dan meletakkan [illegible] kepada Raja secara berperlembagaan [illegible] keseluruhannya tidak akan merasa [illegible] menerima serta menjunjung tinggi [illegible] sebab Brunei - iaitu sepanjang penga[illegible] dan berkerajaan sehingga setakat ini [illegible] nya sama-sama memelihara hak serta [illegible] kerananya tidak mematutkan sesiapa [illegible] atau akan diperdayakan dalam meyakini [illegible] jung falsafah kenegaraan yang memberi [illegible] kan kedaulatan kepada Raja sedemikian [illegible]

---

## Sistem politik dan pengaruh Inggeris;

# TIDAK MENGUBAH CORAK KENEGARAAN KITA

**BERIKUT ialah [illegible] Pengarah Pe[illegible] Awang Haji [illegible] Pengarah Ha[illegible] jlis Ramah [illegible] rangan yang [illegible] di Dewan Ke[illegible] Tutong pada [illegible] 22hb Julai, 1983**

Dalam perjumpaan pada hari Ahad lepas di Bandar Seri Begawan, saya telah bercakap kepada kira-kira lebih 500 orang hadirin yang datang dari mukim-mukim di daerah Brunei/Muara. Percakapan saya tertumpu kepada apa yang diistilahkan sebagai penyertaan atau penglibatan rakyat dalam mendukung Kerajaan. Saya mengajak kepada pemahaman bahawa penglibatan dalam Kerajaan atau penglibatan dalam mendukung Kerajaan tidak semestinya menerusi peti undi dalam pilihan-pilihan raya. Sebab pilihan raya untuk memilih wakil ke dalam Parlimen dan seterusnya menentukan pembentukan Kerajaan hanyalah suatu bentuk dari berbagai-bagai bentuk dan cara yang sudah diamalkan menurut sistem dan falsafah politik moden sedangkan dalam masa yang sama sistem dan falsafah politik moden itu masih memberi ruang bagi wujudnya berbagai-bagai bentuk dan susunan kerajaan serta pemerintahan menurut keperluan-keperluan yang berlainan. Saya menegaskan bahawa sebagaimana banyak negara sudah menerima pilihan raya menjadi sebahagian daripada way of lifenya maka banyak pula negara-negara yang tidak berpilihan raya tetapi kerajaannya masih dapat berfungsi dengan baiknya iaitu mendapat sokongan yang menyeluruh dari rakyat dapat melaksanakan progrem-progrem pembangunan dengan jayanya, berkesan dalam melaksanakan dan menguatkuasakan peraturan serta undang-undang bagi kesejahteraan rakyatnya dan seterusnya.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Perkara penyertaan dan penglibatan rakyat dalam Kerajaan atau dalam mendukung Kerajaan ini saya kemukakan dengan maksud akan menjadi renungan bersama. Sebab pada umumnya dalam sepanjang gerakan atau operasi Penerangan kami dapat mengesan betapa perkara ini telah menjadi kemusykilan di kalangan setengah-setengah orang. Sementara dan pula orang menjadikannya perkurapakan sekalipun dalam bentuk yang sederhana dan berpatutan sebagai menandakan minat dan perhatian terhadap hal-ehwal kenegaraan kita. Dalam kesemua itu tuan-tuan dan puan-puan tentu pernah mendapati yang kami telah cuba menjelaskan kedudukan Kerajaan kita yang berfungsi pada masa ini dan pada masa dahulu yang dibentuk dan ditubuhkan berdasarkan Perlembagaan tahun 1959. Kami telah mengajak tuan-tuan dan puan-puan kepada memahami bentuk dan susunan pemerintahan kita menurut Perlembagaan itu dengan harapan tuan-tuan dan puan-puan khasnya dan orang ramai amnya akan menampak dengan sejelas-jelasnya falsafah pemerintahan atau falsafah politik negara ini menurut yang dapat dikesan dari peruntukan dalam Perlembagaan itu dan juga dalam undang-undang bertulis yang diadakan berikutan daripadanya iaitu khususnya peruntukan mengenai Kuasa Tertinggi Memerintah; peruntukan mengenai Pegawai-Pegawai Utama; peruntukan mengenai Ugama Rasmi dan Bahasa Rasmi Negara; peruntukan mengenai penubuhan Majlis-Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri; Majlis Mesyuarat Negeri; dan Majlis Mesyuarat Diraja; peruntukan Undang-Undang Taraf Kebangsaan tahun 1961 dan peruntukan Undang-Undang Pemasyuran Mengangkat Raja Tahun 1959.

**Kami tidak bertujuan bagi memesongkan kenyataan apa lagi untuk mempromote dan mempropagate sesuatu yang berlawanan dengan kepentingan kita dan negara dalam jangka pendek dan jangka panjang.**

**Dalam pengalaman politik, tegasnya politik berkerajaan dan berpemerintahan, kita tidak berpengalaman diperintah dan memerintah secara kerajaan yang dipilih sebagaimana pengalaman orang lain.**

Sesungguhnya kami telah mendapati minat dan perhatian tuan-tuan dan puan-puan kepada hal-ehwal kenegaraan telah semakin meningkat yang dalam hubungannya dengan penjelasan mengenai bentuk dan susunan pemerintahan yang kami ketengahkan itu ternyata pula bahawa dalam banyak hal tuan-tuan dan puan-puan telah berpeluang melihat kedudukan Kerajaan serta susunan dalam pemerintahan negara kita dari sudut dan perspektifnya yang betul. Kami tidak mendakwa yang penjelasan-penjelasan kami itu telah menjadikan tuan-tuan dan puan-puan lebih menaruh kepercayaan kepada Kerajaan dan lebih menaruh keyakinan kepada pemimpin tertinggi negara ini iaitu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan sebab kepercayaan dan keyakinan sedemikian itu sudah sedia ada dalam diri kita semua sebagai rakyat dan penduduk yang taat. Apa yang dapat kami mendakwa ialah sesungguhnya kami dalam gerakan Penerangan selama ini merasa bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. yang kami sentiasa bersikap terbuka kepada taun-tuan dan puan-puan yang membolehkan kami dengan jujur mengajak tuan-tuan dan puan-puan khasnya dan orang ramai amnya kepada berfaham dan bersikap menurut apa yang sepatutnya dalam mempastikan yang kita semua di negara ini — baik apapun kedudukannya akan sentiasa seiring dan sehaluan dengan kepimpinan tertinggi negara iaitu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dan pimpinan dalam kerajaan Baginda.

Penelitian kita kepada peruntukan-peruntukan Perlembagaan dalam perkara Kuasa Tertinggi Memerintah; dalam perkara Lantikan Pegawai-Pegawai Utama; dalam perkara pembentukan Majlis Mesyuarat-Mesyuarat Negara; dan Penelitian ke atas Undang-Undang Pemasyuran mengangkat Raja — kesemua penelitian ke atas perkara-perkara ini diharapkan akan menjelaskan dengan sejelas-jelasnya bahawa kita menerima dan menjunjung falsafah kenegaraan yang meletakkan kedaulatan dan kuasa memerintah kepada Raja secara berperlembagaan dan berundang-undang. Dari Bagindalah Kerajaan ditubuhkan dan dibentuk dengan kuasa-kuasa yang datangnya daripada Baginda.

Jika diteliti lagi maka akan ternyata pula bahawa falsafah kenegaraan yang meletakkan kedaulatan dan kekuasaan kepada Raja itu bukanlah falsafah yang dirangai-rangai menurut keinginan atau kecenderongan seseorang atau satu-satu kalangan tertentu. Bahkan ia sebenarnya mempunyai asas [illegible] tunjang dalam [illegible] kita sepanjang [illegible] nya bernegara [illegible] jaan iaitu [illegible] jaan Kesultanan [illegible] Islam.

Saya tidak [illegible] daian yang [illegible] betul [illegible] peratus. [illegible] ini tidak [illegible] pengaruh [illegible] terutama [illegible] serta pe[illegible] diperkenalkan [illegible] semenjak [illegible] Brunei [illegible] merobohkan [illegible] kenegaraan [illegible] mengubah [illegible] mengurangkan [illegible] kedaulatan [illegible] punyai rakyat [illegible] junjung [illegible] Allah sehingga [illegible] tahta serta [illegible] corak ke[illegible] turun-temurun [illegible] belum [illegible] falsafah [illegible] berubah [illegible] kehadiran [illegible] pengaruh [illegible] jaya meng[illegible]

Lihat m[illegible]

**"Tetapi saya setakat ini tidak me[illegible] bahawa pengaruh politik asing [illegible] sekali sistem politik serta pe[illegible] yang diperkenalkan oleh Inggeris [illegible] jak kehadirannya di Brunei telah [illegible] merobohkan asas falsafah ke[illegible] kita...."**

# K'JAAN BERJAYA UBAH CORAK BRUNEI KAJANG''

...muka 2

...kepada sistem
...di lain-
...ada yang
...Perlem-
...1959 dan
...Pemasyuran
...tahun 1959
...jelas betapa
...corak
...negara ini
...bukan sahaja
...falsafah
...sudah men-
...bangsa
...nafas baru
...itu untuk
...kepada
...Negara
...terus
...dan teguh
...yang ber-
...s.w.t., ber-
...sopan —
...dan meletak-
...kepada Raja
...pemegang
...memerintah
...bagaan dan
...undang.

...puan-puan,

...inilah
...menampak
...kita di
...latar
...yang
...negara-negara
...ada jauh
...sekalipun
...tertentu
...latar
...atau
...akibat
...asing
...akibat
...campur-
...cuba
...dan
...sepatut-
...bahawa
...belakang
...telah
...bagai
...pahit
...kulum,
...seterusnya
...unsur
...daging



Pengarah Penerangan, Awang Haji Badaruddin

Dalam pengalaman politik, tegasnya politik berkerajaan dan berpemerintahan, kita tidak berpengalaman diperintah dan memerintah secara kerajaan yang dipilih sebagaimana pengalaman orang lain. Yang ada dan sudah merupakan de facto politik moden ialah kita menerima dan mendukung Kerajaan yang dibentuk terhadap sistem pemerintahan yang ada yang mempunyai asas-asas yang kukuh berdasarkan falsafah kenegaraan kita. Sebenarnya tidak ada sebab yang kuat untuk menjadikan kita berasa waham dan walang selama mana tujuan dan niat kita berkerajaan dan berpemerintahan ialah untuk melihat negara ini dan bangsa kita berkeadaan selamat dan sejahtera, makmur, mewah serta bermaruah di mana setiap orang pada keseluruhannya merasakan dirinya mempunyai kepentingan yang akan dipeliharanya, merasakan dirinya selamat dan dihargakan sehingga ia berbangga sebagai sebahagian daripada isi Brunei yang bertuah. Kami mengajak tuan-tuan dan puan-puan khasnya dan orang ramai di seluruh Brunei Darussalam ini amnya untuk memahami kedudukan ini dengan sebaik-baiknya. Kami tidak bertujuan bagi memesongkan kenyataan apa lagi untuk mempromote dan mempropagate sesuatu yang berlawanan dengan kepentingan kita dan negara dalam jangka pendek dan jangka panjang.

**''.......asas-asas serta falsafah kenegaraan kita — sekalipun kelihatan walih jika dibandingkan dengan asas serta falasafah kenegaraan orang lain namun ia telah ternyata mendatangkan kebajikan kepada kita dan kepada negara Brunei Darussalam.''**

...menerusi kuasa Perlembagaan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan, memberi sokongan yang menyeluruh kepada Kerajaan, menjunjung tinggi kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia sebagai pemerintah tertinggi negara dan kepimpinan dalam kerajaan Baginda. Dalam kesemua itu kita pada keseluruhannya telah terlibat dan melibatkan diri bagi memungkinkan Kerajaan yang dibentuk sedemikian itu berfungsi dengan sebaik-baiknya bagi kepentingan rakyat dan negara — dan Alhamdulillah apa yang ternyata dan telah terbukti Kerajaan yang sedemikian itu berhasil memajukan negara, meningkatkan taraf hidup rakyat dan pada keseluruhannya telah menukar corak Brunei dari 'kajang' kepada 'batu bata'.

Dengan yang sedemikian itu sepanjang operasi Penerangan terutama pada akhir-akhir ini kami telah dengan jujur mengajar kepada pemikiran-pemikiran yang sekira-kira boleh menimbulkan kesedaran bagi menolak dan mengikis sebarang waham dan walang



...bin Mohd ...lagi ...peluang ...ampaikan ...tersebut.

Dalam masa yang sama kami bukanlah pada taraf dan kedudukan yang boleh meramal serta menentukan corak pemerintah masa hadapan. Tetapi yang jelas kepada kami dan kepada tuan-tuan dan puan-puan semua ialah kita sedapat daya cuba melihat dan membayangkan corak pemerintahan masa hadapan itu dengan berbekalkan fahaman yang betul mengenai asas-asas serta falsafah kenegaraan kita — sekalipun kelihatan walih jika dibandingkan dengan asas serta falsafah kenegaraan orang lain namun ia telah ternyata mendatangkan kebajikan kepada kita dan kepada Negara Brunei Darussalam. Kita tidak bermaksud membuat perbandingan yang bertujuan menentukan mana satu falsafah kenegaraan yang lebih baik. Adalah tidak adil untuk berbuat sedemikian itu dengan menaruh prejudis dan prasangka yang bukan-bukan kepada amalan politik orang lain berdasarkan pengalamannya yang kita tidak mengalami. Tetapi



Dalam majlis pada hari itu, para hadirin telah diberi peluang untuk menyampaikan ucapan terbuka. Kelihatan gambar atas ialah Awang Mohsin bin Haji Kadir ketika menyampaikan ucapannya.

adalah juga tidak adil jika pengalaman kita sendiri dalam mempunyai kerajaan dan pemerintahan menurut asas dan falsafah kenegaraan kita itu, kita tidak menaruh penghargaan kepadanya semata-mata ia kelihatan walih pada zaman ini padahal ia telah membuktikan kesesuaiannya dan kebaikannya sepanjang yang dialami sehingga ini. Adalah tidak adil di sisi Allah untuk meniadakan sebarang kebaikan yang ternyata baik, sebarang hak yang ternyata hak, maka begitulah kami mengajak tuan-tuan dan puan-puan khasnya dan orang ramai di seluruh Brunei ini amnya kepada kesedaran yang tinggi dalam menilai sistem dan corak pemerintah kita yang didasarkan menurut falsafah kenegaraan kita yang memberi dan meletakkan kedaulatan kepada Raja untuk memerintah dan memegang kuasa tertinggi negara secara berperlembagaan.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Saya berharap percakapan saya setakat ini tidak akan disalah ertikan sebagai mengandungi konsep baharu yang tidak ada kaitannya dengan hal-ehwal kenegaraan kita. Perkara yang saya sebutkan sebagai falsafah kenegaraan dalam ucapan ini bukanlah suatu yang baharu dirumuskan. Ia sudah sekian lama berfungsi. Tetapi sudah sekian lama pula ia tidak disebutkan dengan sejelas-jelasnya, tidak disoroti atau diteliti dengan sebaik-baiknya. Kita tidak menyoroti dan menelitinya mungkin di luar dari kesedaran ia telahpun diterima dan menjadi de facto politik selama ini. Dalam pada itu pada hemat saya kita tidak cuba berterus terang menyebutkannya dan memperkatakannya sehingga dalam hal-hal tertentu menjadikannya sebagai suatu konsep yang kabur. Dari segi operasi Penerangan, kekaburan mengenai satu-satu isu apa lagi yang melibatkan konsep kenegaraan adalah tidak menolong memperkukuhkan strategi menjadikan rakyat dan orang ramai memahami rangkaian kejadian sekitar halehwal negara dan Kerajaan. Yang sedemikian itu akan menjadikan mereka sukar untuk digerakkan pada menyertai dan mendukung Kerajanan, menerima baik dan memihak kepada dasar-dasar Negara Brunei Darussalam, dan yang lebih penting lagi ialah pada menjadikan mereka terlibat serta mempunyai penyertaan dalam menentukan Kerajaan dapat berfungsi dengan sebaik-baiknya bagi faedah rakyat dan negara.

Saya berharap sedemikian itu dan saya percaya suasana persefahaman yang wujud di antara kita selama ini menerusi gerakan-gerakan Penerangan khasnya dan menerusi berbagai-bagai saluran yang lain amnya akan memperkukuh lagi semangat bernegara dan berkerajaan yang sudah dipupuk dengan baiknya selama ini. Ke arah itu marilah kita sama-sama mendoakan bahawa Majlis Ramah Mesra Penerangan yang kita adakan ini akan diperkenankan oleh Allah s.w.t. menjadi sebahagian daripada sumbangan kita pada memperkukuhkan lagi negara kita, Negara Brunei Darussalam yang bertuhankan Allah s.w.t., bersultan dan beradab sopan.

**''Adalah tidak adil di sisi Allah untuk meniadakan sebarang kebaikan yang ternyata baik, sebarang hak yang ternyata hak, maka begitulah kami mengajak tuan-tuan dan puan-puan...... .''**



Sebahagian lagi dari hadirin yang hadir di Majlis Ramah Mesra Penerangan di Dewan Kemasyarakatan Tutong.

# MEREKA INI DIMINTA DATANG KEPEJABAT TAN

## SISTEM KOMPUTER UNTUK PENDAFTARAN DI DAERAH BRUNEI-MUARA

Sukacita dimaklumkan bahawa sistem pendaftaran tanah-tanah di Daerah Brunei/Muara akan menggunakan komputer untuk membantu kerja-kerja pendaftaran.

Kejayaan sistem ini tidak akan dapat dicapai tanpa kerjasama dan sokongan yang sepenuhnya daripada tuanpunya tanah-tanah berkenaan.

Oleh yang demikian, nama-nama yang tersebut di bawah ini atau wakil-wakil mereka adalah dijunjung/dipersilakan hadir ke Pejabat Tanah Bandar Seri Begawan, Brunei tidak lewat dari 6hb. Ogos 1983 pada waktu-waktu pejabat dibuka dengan membawa kad pengenalan dan semua geran-geran tanah yang dimiliki masing-masing.

| | Nama | EDR No. | LOT No. |
|---|---|---|---|
| ADV/226 | Tassan bin Dullah | 1066 | 1066 |
| ADV/262 | Kambar binti Sabtu | 1175 | 1248 |
| ADV/263 | Tamat bin Sabtu | 1175 | 1248 |
| ADV/264 | Midah bte Sabtu | 1175 | 1248 |
| ADV/265 | Janis bte Sabtu | 1175 | 1248 |
| ADV/266 | Talip bin Haji Mohamed | 1187 | 1298 |
| ADV/267 | Japar bin Haji Ismail | 1187 | 1298 |
| ADV/268 | Sabtu bin Samat | 1213 | 1286 |
| ADV/269 | Sapar bin Samat | 1213 | 1286 |
| ADV/270 | Bubin bin Samat | 1213 | 1286 |
| ADV/271 | Bidah bin Samat | 1213 | 1286 |
| ADV/272 | Jamudin bin Samat | 1213 | 1286 |
| ADV/273 | Noralam binti Adul | 1213 | 1286 |
| ADV/274 | Dayangku Saliah binte Pg. Haji Mohamed Salleh | 1215 | 1288 |
| ADV/275 | Matdin bin Amat | 1221 | 1350 |
| ADV/276 | Sari binti Ahmed | 1223 | 1352 |
| ADV/277 | Awang Dollah bin Besar | 1224 | 1353 |
| ADV/278 | Kadir bin Haji Mat Japar | 1227 | 1356 |
| ADV/279 | Sari binti Haji Mat Japar | 1227 | 1356 |
| ADV/280 | Siti binti Haji Mat Japar | 1227 | 1356 |
| ADV/281 | Salleh bin Kulla | 1229 | 1382 |
| ADV/282 | Jijah binti Kulla | 1229 | 1382 |
| ADV/283 | Nilam binti Duraman | 1237 | 1384 |
| ADV/284 | Norpah binti Duraman | 1237 | 1384 |
| ADV/285 | Maidah binti Duraman | 1237 | 1384 |
| ADV/286 | Bibah binti Ahmad | 1242 | 1389 |
| ADV/287 | Pakar bin Lamat | 1252 | 1367 |
| ADV/288 | Chua Chui Thian | 1256 | 1157 |
| ADV/289 | Md. Nor bin Timbang I/C No. 027302 (K) | 927 | 1006 |
| ADV/290 | Apong bin Nawang I/C No. 022782 (K) | 947 | 1029 |
| ADV/291 | Salam bin Kamis I/C No. 022732 (K) | 949 | 1031 |
| ADV/292 | Besar bin Kamis | 949 | 1031 |
| ADV/293 | Kahar bin Kamis | 949 | 1031 |
| ADV/294 | Midah binti Jamal | 949 | 1031 |
| ADV/295 | Jijah binti Salam I/C No. 022781 (K) | 949 | 1031 |
| ADV/296 | Zabidah binti Salam I/C No. 022730 (K) | 949 | 1031 |
| ADV/297 | Idris bin Salam I/C No. 041456 (K) | 949 | 1031 |
| ADV/298 | Maisalam binti Besar | 949 | 1031 |
| ADV/299 | Jais bin Haji Tuah I/C No. 022737 (K) | 960 | 1043 |

| | |
|---|---|
| ADV/300 | Lipah binti Haji Tuah I/C No. 014620 (K) |
| ADV/301 | Hitam binti Hj. Tuah I/C No. 022722 (K) |
| ADV/302 | Siti binti Hj. Tuah I/C No. 063865 (K) |
| ADV/303 | Sainah binti Hj. Tuah I/C No. 022736 (K) |
| ADV/304 | Kaisah binti Hj. Tuah I/C No. 022697 (K) |
| ADV/305 | Samsiah bint Halim I/C No. 051564 (K) |
| ADV/306 | Liman bin Haji Tuah |
| ADV/307 | Ahim bin Gapor |
| ADV/308 | Halim bin Hj. Sabtu |
| ADV/309 | Marta binti Hj. Sabtu |
| ADV/310 | Yau Moi Tee I/C No. 010337 (K) |
| ADV/311 | Sa'edah binti Haji Garip I/C No. 031448 (K) |
| ADV/312 | Manyansin bin Badar @ Abd. Yassin |
| ADV/313 | Dayang Meriam binti Lamat |
| ADV/314 | Dayang Ajar binti Lamat |
| ADV/315 | Saidin bin Bakar I/C No. 006759 (K) |
| ADV/316 | Hj. Berudin bin Bakar I/C No. 012668 (K) |
| ADV/317 | Hj. Ibrahim bin Bakar I/C No. 012416 (K) |
| ADV/318 | Maisah binti Haji Garai |
| ADV/319 | Mohammad Alli bin Haji Judin |
| ADV/320 | Isah binti Haji Garai |
| ADV/321 | Mohamed bin Haji Garai |
| ADV/322 | Mohd. Hashim bin Abdul Rahman |
| ADV/323 | Mansor bin Ibrahim @ Mangsor bin Ibrahim |
| ADV/324 | Taibah binti Dollah |
| ADV/324 (A) | Maimun binti Dollah |
| ADV/325 | Susin bin Tuah |
| ADV/326 | Akim bin Pengarah Kasum |
| ADV/327 | Abu Bakar bin Badar |
| ADV/328 | Zainin bin Kalong @ Jinin |
| ADV/329 | Dy. Sunah binti Tamit |
| ADV/330 | Taha bin Mamin @ Rabaha |
| ADV/331 | Pg. Abu Bakar bin Pg. Ahmad |
| ADV/332 | Miramit bin Serudin |
| ADV/333 | Jamudin bin Serudin |
| ADV/334 | Dayang Tengah binti Serudin |
| ADV/335 | Seriah binti Tamit |
| ADV/336 | Lim Keng Khoon |
| ADV/338 | Hamid bin Tuah |
| ADV/339 | Akop bin Tuah |
| ADV/340 | Ibrahim bin Alli |
| ADV/341 | Sijahat binti Puasa |
| ADV/342 | Isah binti Puasa |
| ADV/343 | Norsiah binti Puasa |
| ADV/344 | Salleh bin Berudin |
| ADV/345 | Tijah binti Miramit |
| ADV/346 | Kahar bin Tuah |
| ADV/347 | Aman bin Samsu |
| ADV/348 | Jariah binti Saban |
| ADV/349 | Lim Poo (Lim Sim Poh) |
| ADV/350 | Jumat bin Dagang |

## Pegawai2 Pos berkursus

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dua orang pegawai dari Jabatan Perkhidmatan Pos telah dihantar untuk mengikuti Kursus Pengurusan Kewangan Pos di United Kingdom dan Thailand.

Ketua Penguasa Pos, Awang Metassan bin Haji Metussin mengikuti kursus tersebut di Maktab Pengurusan Pos, Coton House, Rubby, England selama sembilan minggu mulai 25hb Julai. Awang Metassan adalah pegawai yang ketiga dihantar untuk mengikuti kursus yang serupa.

Penolong Penguasa Pos, Awang Koh Bun Thuan kini mengikuti kursus di Pusat Latihan Pos Asia-Pasifik, Bangkok, Thailand selama lapan minggu dan akan berakhir pada 26hb Ogos, 1983. Beliau juga adalah merupakan pegawai yang ketiga dihantar mengikuti kursus tersebut.



Awang Koh Bun Thuan



Awang Metassan

## IKUTI KURSUS PENEMPATAN DI

BERAKAS. — Awang Abdul Momin bin Awang Tengah, Ketua Penterjemah di Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat, telah berlepas ke Kuala Lumpur pada 16hb. Julai lepas untuk menjalani kursus penempatan dalam bidang kerja-kerja penterjemahan, terutama penterjemahan kertas-kertas Majlis Mesyuarat dan Jurubahasa.

Awang Momin akan menjalani kursus tersebut selama dua minggu di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, dan di Parlimen Malaysia, selama dua minggu.

Sementara itu turut menjalani kursus ialah Awang Adanan bin Haji Manggong, Pemberita Majlis Kanan di jabatan yang sama dan telah berlepas ke

Kuala [illegible] Julai [illegible] Adanan [illegible] kursus [illegible] Parlimen [illegible] Dewan [illegible] bidang [illegible] Laporan [illegible] (Handsard) [illegible] kerja [illegible] Pemberita [illegible] Mesyuarat [illegible] menjalani [illegible] selama [illegible]



Awang Haji Adanan



Awang [illegible]

## Pemilihan Ketua Kampung Batang Mitus

TUTONG. — Pegawai Daerah Tutong memaklumkan kepada semua penduduk-penduduk Kampung Batang Mitus bahawa satu majlis pemilihan calun bagi Ketua Kampung tersebut akan diadakan pada hari Ahad 31hb. Julai, 1983, jam 8.45 pagi bertempat di Sekolah Melayu Batang Mitus, Tutong.

Oleh yang demikian penduduk-penduduk yang berumur 21 tahun ke atas yang tinggal di sekitar kampung-kampung tersebut adalah diminta supaya hadir pada tarikh, waktu dan tempat yang ditetapkan.

Calun yang akan dipilih nanti hendaklah sudah bermastautin dalam kampung-kampung tersebut sekurang-kurangnya tiga tahun dan setelah dilantik dikehendaki bermastautin secara tetap dalam kampung tersebut.

Selain dari itu calun mestilah berumur tidak kurang dari 30 tahun dan sekurang-kurangnya mempunyai kelulusan Sijil Rendah Pelajaran atau yang seimbang dengannya atau Darjah VI Sekolah Melayu.

Calun yang dipilih itu nanti juga mestilah bukan Pegawai Kerajaan, Kakitangan Syarikat atau Badan Perniagaan.

# ...ANUSIA TIDAK SEMPURNA TANPA HIDAYAT




dapat berjalan di landasan yang lurus. Hidayat itu seperti lampu yang terang menyuluh kegelapan malam. Kalau ia padam kita akan bergelap dan cubalah bayangkan apa akan berlaku di dalam kegelapan itu?

Sebab itulah, supaya orang-orang Islam ini tidak meraba-raba dalam hidupnya, tidak berada di dalam kegelapan, mereka dituntut supaya berdoa memohon hidayat, sekurang-kurangnya tidak boleh tidak tujuh belas kali dalam sehari semalam, ketika mengerjakan ibadat sembahyang Fardu, diwajibkan kita membaca Al-Fatihah yang antara lain berbunyi:

*"Ya Allah! Ya Tuhan! Tunjukkanlah kami jalan yang lurus."*

Ayat ini ialah memohon hidayat dripada Allah Subhanahu Wataala.

Selain itu, di dalam Al-Quran ada ulama menerangkan bahawa terdapat 270 lebih perkataan-perkataan yang bersangkut paut dengan kata-kata hidayat itu seperti Hudan, Ihtada, Hadaana, Muhtaduun dan lain-lain lagi. Di dalam permulaan ucapan-ucapan atau khutbah, kadang-kadang kita memetik sepotong ayat Al-Quran di dalam Surah Al-A'raf ayat 43 yang tafsirnya:

*"Segala puji bagi Allah yang telah menunjuki kami sampai ke sini, dan tiadalah kami akan mendapat pimpinan, jika Allah tidak memberikan hidayat-Nya kepada kami."*

### WAJIB MEMOHON

Jelaslah kepada kita betapa pentingnya hidayat atau petunjuk Allah itu perolehi, sehingga kita dituntut dan bahkan diwajibkan memohonkannya tidak kurang tujuh belas kali sehari semalam. Ini memberi isyarat bahawa kehidupan manusia tidak akan sempurna tanpa hidayat Allah, tanpa bimbingan dan pimpinan Allah. Kerana itulah dituntut benar-benar kita membasahkan lidah dalam waktu-waktu tertentu, dan bahkan bila-bila sahaja dengan membaca Al-Fatihah, surah yang menurut ahli tafsir telah turun dua kali kepada Nabi s.a.w., sekali di Mekah dan sekali lagi di Madinah.

Sebab itu kita tidak jemu-jemu memberitahu orang-orang Islam supaya jangan mencuaikan ibadat sembahyang, dan apatah lagi meninggalkannya langsung. Orang-orang yang sembahyang, pasti lidahnya tidak boleh tidak membaca Al-Fatihah tujuh belas kali sehari semalam. Ertinya tujuh belas kali sekurang-kurangnya dia berdoa dan memohon supaya dia dikurniakan hidayat dan petunjuk Allah.

Di sini sekali lagi kita bertemu rahsia ibadat sembahyang itu, ibadat yang menurut Al-Quran mencegah dan menghalang kita dari melakukan munkarat dan kejahatan. Ya, bagaimanakah munkarat dan kejahatan itu akan singgah jika sebenarnya doa kita diterima oleh Allah dengan diberinya hidayat pertunjuk, berkat Surah Al-Fatihah yang selalu kita baca itu?.

Mudah-mudahan dengan penerangan yang ringkas ini akan berkesan di hati kita untuk menguatkan lagi harapan dan kemahuan kita memohonkan hidayat daripada Allah Subhanahu Wataala, iaitu dengan salah satu caranya ialah memelihara ibadat sembahyang kita.

# PERANAN WANITA DALAM PENDIDIKAN

**Oleh: Azadah Hj. Awang Besar**

**mengeluarkan zakat serta mengikut Allah dan Rasul-Nya. Mereka itulah orang yang dikasihi oleh Allah."**

Sementara dalam hadis Rasulullah s.a.w. pula keadaan ini dijelaskan lagi dengan penghuraian seperti berikut:

**"Wanita ialah pengawas di rumah suaminya (rumahtangga) sedang dia bertanggungjawab terhadap pengawasnya."**

Berdasarkan kepada maksud firman dan hadis tersebut dapatlah kita mengambil kesimpulan betapa pentingnya peranan wanita dalam pendidikan anak-anak, tegasnya pendidikan rumahtangga dalam memberi pimpinan yang penting demi untuk pembentukan sesebuah masyarakat dan bangsa seluruhnya ke arah sifat-sifat yang ideal dan bertanggungjawab kerana itulah makanya wanita perlu diberikan didikan dan pelajaran yang tidak kurangnya daripada kaum lelaki sebab di samping tanggungjawab kaum lelaki buruk baiknya sesebuah rumahtangga itu juga terletak dalam penjagaan kaum wanita.

Memandangkan hal tersebut, Rasulullah s.a.w. pernah bersabda yang ertinya: **"Samakanlah di antara anak-anakmu dalam pemberian (jasmani, juga rohani jika mungkin), jika saya suka melebihkan seseorang, tentulah saya lebihkan perempuan."**

Siti Aishah puteri Abu Bakar Al-Siddiq, isteri Rasulullah s.a.w., yang pernah mendapat didikan yang baik sejak kecilnya, tentang peribadi keperempuanan adalah menjadi ibu dan pendidik seluruh kaum muslimin dan muslimat iaitu setelah ia memperolehi ilmu pengetahuan dan didikan daripada Nabi sejak ia melayari bahtera hidup bersama Baginda s.a.w. ketika masih berusia muda remaja. Pada peribadi Aishahlah tersimpan segala rahsia ilmu pengetahuan di sekitar peribadi Nabi Besar Muhammad s.a.w. kerana itu Aishah menjadi tempat bertanya dan tempat rujukan para sahabat Nabi s.a.w. sesudah kewafatan Baginda.

Dalam cerita yang lain, diceritakan bahawa Sa'id bin Musayyib mengahwinkan anaknya dengan seorang anak murid beliau. Pada suatu pagi, muridnya itu menyatakan kepada isterinya bahawa ia hendak menghadiri majlis pelajaran yang diberikan oleh ayahnya (Sa'id). Mendengar itu lantaslah anak tuan guru tadi berkata kepada suaminya: "Kalau begitu, duduklah di rumah ini, kelak ku ajarkan kepadamu ilmu ayahku."

Begitulah beratnya perhatian 'alim ulama terhadap didikan anak-anak perempuan yang mana bukan sahaja akhlak mereka diasuh bahkan mereka dipenuhkan dengan ilmu pengetahuan yang tinggi, ilmu pengetahuan ugama dan penghidupan. Dalam kata lain, bahawa kaum wanita hendaklah dipertinggikan akhlak dan pengetahuannya agar dapat memegang peranan atau tugas-tugas terpenting dalam bidang-bidang kemanusiaan dan penggerakan masyarakat sesuai dengan kedudukannya seperti terdapat dalam sebuah kitab berjudul "Dasar-dasar Pendidikan Menurut Islam" dikarang oleh Abdullah Al-Qari bin Haji Salleh terdapat pandangan saudara Muhammad Nuh Hudwy di dalam bukunya "Islam dan Kemasyarakatan" menerangkan seperti berikut:-

"Wanita di samping kewajipannya di dalam bidang keisterian dan keibuan mempunyai hak turut mengemudikan masyarakat. Mereka diberikan hak menyatakan pendapat dan keinginannya. Suara dan fikiran mereka tidak dikongkong. Mereka boleh bekerja dengan aktif di tengah-tengah masyarakat, mereka harus menjadi penolong untuk mengemudikan biduk masyarakat ke arah kesempurnaan dan kebaikan asal saja tidak mengabaikan kewajipan amanah di dalam rumahnya sendiri."

Seterusnya Prof. Muhammad Hasbi As-Siddiqi dalam bukunya "PERJUANGAN WANITA ISLAM" beliau menulis; untuk meninggikan wanita Islam, kita wajib berusaha mewujudkan tiga perkara:-

Mendalamkan iman dan meninggikan budi; mencerdaskan akal (Ratio) dan menajamkan fikiran. Mementingkan aturan-aturan hidup, undang-undang kesihatan dan menyederhanakan penghidupan.

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 27hb Julai, 1983 hingga ke hari Selasa 2hb Ogos, 1983 adalah seperti di bawah ini :

| *Hari Bulan* | *Zuhur* | *Asar* | *Maghrib* | *Isyak* | *Imsak* | *Subuh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 27hb Julai | 12.32 | 3.49 | 6.42 | 7.53 | 4.43 | 4.58 | 6.16 |
| 28hb Julai | 12.32 | 3.49 | 6.42 | 7.53 | 4.43 | 4.58 | 6.16 |
| 29hb Julai | 12.32 | 3.49 | 6.42 | 7.53 | 4.43 | 4.58 | 6.16 |
| 30hb Julai | 12.32 | 3.49 | 6.42 | 7.53 | 4.43 | 4.58 | 6.16 |
| 31hb Julai | 12.32 | 3.49 | 6.42 | 7.53 | 4.43 | 4.58 | 6.16 |
| 1hb Ogos | 12.30 | 3.48 | 6.40 | 7.51 | 4.43 | 4.58 | 6.16 |
| 2hb Ogos | 12.30 | 3.48 | 6.40 | 7.51 | 4.43 | 4.58 | 6.16 |

**Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit pada tiap-tiap waktu.**

**Sembahyang Jumaat di seluruh Negeri Brunei di mulai dari pukul 12.45 tengah hari.**

## YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS........



# HUKUM MENINGGALKAN SEMBAHYANG FARDU YANG LIMA

(Bahagian 4) Siri ke-193

PERKARA sembahyang sunat bagi orang yang meninggalkan sembahyang fardu yang lima dengan senghaja atau mencuaikan setengah-setengah sembahyang fardu yang lima itu. Maka orang yang meninggalkan sembahyang fardu yang lima dengan senghaja atau mencuai-cuaikan setengah-setengah sembahyang fardu yang lima itu, haram baginya mengerjakan perkara yang sunat apa jua sunat seperti Tahiyatul Masjid, sembahyang Rawatib, sembahyang Tarawaikh, sembahyang Hajat, sembahyang Tasbih, sembahyang Hari Raya, sembahyang Jenazah, Tawaf dan membaca Al-Quran dan Zikir dan Tasbih apatah lagi berjogging, bersukan, menonton dan mendengar hiburan atau bersimbang (berbual-bual) adalah lebih-lebih lagi haramnya.

Dalil haram sembahyang sunat bagi orang yang meninggalkan sembahyang fardu yang lima dengan senghaja dan belum ia kerjakan dan belum qadakan sembahyang yang ditinggalkan dengan senghaja itu ialah:

1. Perkataan Al-Imam Ibnu Hajar dalam At-Tuhfah: Bahkan (tiada harus dan haram), sebagaimana yang zahir, bagi siapa di atasnya sembahyang luput dengan tiada apa-apa uzur, menghabiskan mana-mana waktu dan masanya dengan tiada mengerjakan dan tiada qadakan sembahyang fardu yang telah luput daripadanya, saperti ia mengerjakan sembahyang-sembahyang sunat adalah tiada harus dan haram, melainkan waktu dan masa yang ia terpaksa menggunakan seperti tidur, atau masa dan waktu bagi mencari nafkah dirinya dan sara hidup orang yang wajib ia menanggung sara hidupnya (seperti isterinya, anaknya, ibu atau bapanya menurut syarat-syaratnya) atau masa dan waktu bagi mengerjakan perkara yang wajib yang lain yang sempit waktu dan masanya telah sedia ada (khas) waktu dan masanya yang akan luput jika tiada dikerjakannya.

2. Berkata Al-Alamah Al-Malibarri dalam Fathu: Berkata tuan guru kami As-Syeikh Ibnu Hajar Rahimahullahu Taala yang zahir dan nyata bahawa mesti bagi orang yang meninggalkan sembahyang fardu yang lima dengan senghaja itu dengan tiada apa-apa uzur, menghabiskan segala masanya bagi mengqada sembahyang fardu yang luput dengan tiada uzur itu, selain dari masa yang ia hajatkan bagi digunakan membuat perkara yang mesti dan tiada dapat tiada, dan haram baginya mengerjakan perkara yang sunat.

3. Berkata Al-Alamah As-Syed Al-Bakri dalam Al-I'anah ketika mengulas perkataan Al-Alamah Al-Malibarri (dalam 2 di atas ini): Perkataan At-Tuhfah itu begini: Wajib didahulukan sembahyang fardu yang telah luput dengan tiada apa-apa uzur dari sembahyang fardu yang telah luput dengan ada uzur, sekalipun tiada tertib, kerana tertib di antara sembahyang yang luput dengan tiada uzur dengan sembahyang yang luput dengan ada uzur itu sunat, dan bersegera pada mengqada sembahyang yang luput dengan tiada uzur itu adalah wajib, dari sebab itu wajiblah didahulukan qada sembahyang fardu yang luput dengan tiada uzur dari sembahyang fardu yang telah sedia hadir waktunya, jika kiranya waktu sembahyang yang hadir itu ada luas waktunya pada mengerjakan dan qadakan sembahyang yang luput itu, tiada boleh ia habiskan waktunya kerana kerja lain sekalipun perkara-perkara sunat, dikecualikan masa yang ia terpaksa gunakan pada perkara yang terpaksa dan mesti tiada boleh tiada, seperti masa bagi tidur, dan masa bagi mencari sara hidup bagi orang-orang yang wajib ia sarakan hidupnya, atau masa bagi mengerjakan perkara yang wajib yang lain yang sempit ditakuti luput akannya.

Berkata Al-Alamah As-Syed Al-Bakri lagi: Seperti perkataan At-Tuhfah di atas ini, ialah perkataan An-Nihayah bagi Al-Imam Ar-Ramli: Pendek kata mestilah bagi yang meninggalkan sembahyang fardu dengan senghaja dengan tiada uzur itu, menghabiskan sekalian masa dan waktunya bagi mengerjakan dan qadakan sembahyang yang luput itu, dikecualikan masa yang mesti dan terpaksa bagi digunakan bagi perkara-perkara yang tersebut ini.

Diketahui juga dari At-Tuhfah dan An-Nihayah bahawa haram di atas orang yang meninggalkan sembahyang fardu dengan senghaja (atas mencuai-cuaikan setengah-setengah sembahyang fardu), mengerjakan perkara-perkara sunat seperti sembayang sunat, Tawaf Sunat, Fardu-fardu kifayah seperti sembahyang jenazah, kerana wajib dan mesti qadakan sembahyang itu, dahulukan dari segala sunat-sunat dan fardu-fardu kifayah itu.

Kedua-dua Al-Imam Ibnu Hajar dan Al-Imam Ar-Ramli bersetuju keduanya di atas perkara yang tersebut ini. Tamat perkataan Al-Alamah Al-Bakri.

Yang di atas ini perkataan dan pendapat ulama iaitu Al-Imam Ibnu Hajar

dan Ar-R... Alamah A... As-Syed A... perkara ... inggalk... belum ia ... qadakan ... sembahyang ... dan ia ... perkara ... sunat seper... dan sem... membaca ... dan fardu ... sembahyang ... diketahui ... perkataan ... apatah lag... dan men... dan ma... lebih-lebih ... sangat-sang...

4. Men... Al-Imam ... bahawa ... inggalkan ... du deng... dengan ... uzur, da... mengerja... perkara ... bahyang ... sembahyang ... muanya ... tiada sah ... segala pe... dan sem... dan dosa.

WAL...



Datin Hajjah Zahrah bte Haji Idris sedang menyampaikan hadiah kepada salah seorang anak yatim di akhir majlis pada hari itu sambil diperhatikan oleh Y.B. Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Awang Haji Hussain.

## Sambutan Hari Raya bagi anak2 yatim di Temburong

TEMBURONG. — Seramai 106 orang anak-anak yatim di sini telah diraikan dalam satu majlis sambutan Hari Raya bertempat di Dewan Kemasyarakatan Ahad lalu.

Pemangku Pegawai Daerah Temburong Awang Aziz bin Mohammad yang juga selaku penasihat tabung anak-anak yatim telah hadir di majlis tersebut serta menyampaikan hadiah-hadiah bungkusan kepada anak-anak yatim.

Dalam majlis yang sama juga diadakan penyampaian derma-derma untuk tabung tersebut yang disumbangkan oleh Pengerusi Butir Quarry, Pengerusi Central Quarry, Orang-orang perseorangan dan juga Persatuan Belia SEBERKAS dari Limbang.

## LEBIH 800 ANAK2 YATIM DI...

BANDAR SERI BEGAWAN. — Lebih dari 800 orang anak-anak yatim seluruh negara telah diraikan dalam satu Majlis Sambutan Hari Raya. Majlis tersebut dianjurkan oleh Tabung Anak-anak Yatim Negara Brunei Darussalam dan telah diadakan di Pusat Belia di sini pada hari Jumaat lalu.

Pengarah Kebajikan Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Awang Haji Hussain dan Datin, Pegawai Daerah Brunei-Muara, Awang Haji Mohammad bin Haji Serudin, Datin Hajjah Zahrah bte Haji Idris, serta Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan dan Penghulu-penghulu, Ketua-ketua Kampung juga telah hadir di majlis tersebut.

Dalam ucapan di majlis itu, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Awg. Haji Hussain menyatakan bahawa sambutan itu diadakan semata-mata dihasratkan untuk memberikan kegembiraan kepada anak-anak yatim di Negara ini agar mereka merasakan yang mereka juga sama seperti anak-anak yang masih mempunyai ayah atau ibu walaupun tidak pada "realitynya".

Yang Berhormat Pehin menambah, "Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam bahkan juga seluruh penduduk dan masyarakat di negara ini amat mengambil berat dan bersimpati akan nasib anak-anak yatim.

Yang Berhormat seterusnya memuji sikap sanak saudara anak-anak yatim, yang telah memberikan layanan penuh dan rasa kasih sayang mereka serta berharap supaya sikap sedemikian hendaklah dikekalkan.

Di samping menerima hadiah ... bungku... yang te... oleh Dati... bte Ha... Pemangku ... dan Datin ... bte Md ... Pengarah ... dan Suk... yatim ... dengan ... nyanyikan ... tempatan ... dalam ... itu.



Ini adalah sebahagian dari anak-anak yatim beserta ibu atau penjaga ...

# RTB Intisari minggu ini

## ...dio minggu ini:

# ...AD-KAD YANG ...ERGUGURAN

... Raya ... dua ...kad yang ... para ... di Ba... Radio Bru... Selamat ... peminat... la... Hari ... hari ...-kaki... akan ... dua jenis ... berguguran

dian, difikirkan pula masalah untuk membeli setem-setem di Pejabat Pos dengan cara yang agak sukar dari biasa kerana pagar-pagar kaunter di Pejabat Pos dipenuhi manusia yang berganda lebih ramai dari hari-hari biasa. Itulah masalah kad-kad raya yang cuma bercorak peribadi.

Bagi kad-kad lagu-lagu permintaan pula tidak kurang dengan masalah

### ...d-kad permintaan ...aklah ditulis dengan ...ng bagi memudahkan ...hebah yang bertugas

... kad ini ... membawa ... kepada ... rancangan. ... kad-kad ... mendatang... bagaimana ...nya, yang ...-timbun ... itu di... yang ... sudah ... mahal, ... sering... Dan kemu...

dan cerewetnya. Kakitangan-kakitangan rancangan terpaksa menyusun lagu-lagu yang diminta mencarikan rekod-rekod yang diperlukan dan paling memeningkan kepada kakitangan rancangan ialah menghadapi kad-kad lagu-lagu permintaan yang tulisannya terlalu sukar untuk dibaca. Kalau dalam seratus kad-kad yang terlalu 'uzur' dengan tulisannya maka sudah cukup untuk memeningkan kepada Juruhebah yang membacakannya.

Kerana itu, kiranya Awda ada terniat di hati untuk mengirimkan kad-kad lagu-lagu permintaan untuk disiarkan di radio, tolonglah sedikit juruhebah kami. Untuk menolongnya tidak susah cuma kalau menulis kad-kad lagu-lagu permintaan cubalah tulis nama dan alamat dengan terang. Sebaik-nya jangan gunakan tulisan sambung dan ada baiknya lagi jika ditaip.

Sebenarnya terlalu sukar buat kami mengeja-mengeja nama Awda, alamat Awda juga nama-teman Awda andainya tulisan awda tidak beg terang. Kami harapkan kad-kad lagu-lagu permin-mintaan nanti akan dapat kami terima dalam keadaan tulisan yang lebih terang, sebagaimana yang tentunya warna pakaian awda yang awda pakai semasa menyambut hari raya aidilfitri yang lalu, cukup terang dan kemas.

Dan sekali lagi diserukan, dan dipohonkan kerjasama dari Awda semua, tulislah kad-kad permintaan Awda dengan terang, supaya dapatlah terlaksana hajat Awda dan hajat kami juga. Dan diucapkan ribuan terima kasih.



MUNGKIN Awda telah mengenali empat orang pelakon ini. Mereka ialah, Awang Rais Banih, Hajjah Zainab Haji Zainal Abiddin, Haji Annuar Haji Abdul Hamid dan Awang Malek Haji Awang Tengah. Mereka ini membuat rakaman rancangan 'Ruangan Ketani'.

## 'PERGOLAKAN' — Tajuk

### Balai Drama minggu ini

SIFAT iri hati atas kemajuan seseorang itu memang selalu menyelubungi perasaan orang yang tidak mengenal puashati dan enggan berusaha untuk memperbaiki dirinya. Inilah yang ditimbulkan oleh penulis Halimah Yaman, Brunei untuk persembahan Balai Drama minggu ini yang bertajuk PERGOLAKAN.

Dalam usahanya yang tidak putus-putus untuk memajukan persatuannya, Ramli watak utama dalam drama ini sentiasa mementingkan kerja-kerja persatuan walaupun pada waktu dia seharusnya bersama keluarganya. Ini serba-sedikit telah menimbulkan kebimbangan pada isterinya sendiri kerana khuatir urusan rumah-tangga akan diabaikan.

Walaupun usaha Ramli yang baik itu mendapat sambutan dari beberapa orang ahli persatuan saperti Wenny dan Liza, persatuan itu terpaksa juga menghadapi musim kemuramannya bila Rahman dan Rashid bertindak yang di luar dari undang-undang persatuan.

Tidak memadai dengan menghancurkan kewangan persatuan itu, malah Rashid dan Rahman bertindak lebih jauh untuk menyingkirkan Wenny dari persatuan itu bila sifat kejujuran Wenny ternyata menggugat kedudukan mereka.

Dengan kepintaran Rashid menjalankan jarum jahatnya, Wenny pun mengundurkan diri dari persatuan tersebut. Dan tindakan Rashid seterusnya ialah untuk menghancurkan persatuan itu pada keseluruhannya.

Berjayakah Rashid dan Rahman melaksanakan niat buruk mereka itu? Atau mungkinkah ada orang yang dapat menghalang perbuatan buruk mereka dan seterusnya menyelamatkan persatuan tersebut. Untuk mengetahui lanjutannya, para pendengar adalah dipersilakan untuk mengikuti siarannya pada 31hb Julai, 1983 jam 10.30 pagi.

Rancangan ini diterbitkan oleh Abdullah Awang Damit.

# ...ancangan TV Pendidikan dari 1hb. hingga 6hb. Ogos 1983

### ...N — 1HB OGOS

... LISTEN AND SPEAK 19 ...

... kali ini mengajar murid-... tempat bentuk; circle, ... square dan rectangle, di Ma-... beberapa perkataan yang ... dengan huruf 'S' akan ditun-... Murid-murid juga akan di-... dengan sebuah lagu.

... UNTUK DARJAH 6 ... 3)

... ini adalah sambungan pe-... Magnet 1 dan Magnet 2. ... siaran ini murid-murid akan ... mengenai

... Bentuk-bentuk Magnet
... Sejarah hidup Oersted
... Oersted
... Magnet.

... siaran ini murid-murid akan ... cara-cara membuat letro mag-... bentuk magnet yang dihasil-... arus elektrik.

... KAP UDANG 923.
... hari ini dimuati dengan aktiviti-aktiviti seperti MAIN BAKUL, PETI SURAT, MAIN KERUSI, GAMBAR DAN SEBUTAN, NYANYI dan CERMIN SAKTI.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 923.

### SELASA — 2HB OGOS

PAGI

8.50 SIARAN ULANGAN LOOK, LISTEN AND SPEAK 19 (Shapes)

9.20 SIARAN ULANGAN SAINS UNTUK DARJAH 6. (Magnet 3)

10.30 KAP KAP UDANG 924. Dalam rancangan kali ini Cikgu Rokiah dan anak-anak akan membuat aktiviti-aktiviti seperti BERSENAM, MAIN BANG, KETUA KESELAMATAN, SI AMIN, NYANYI dan CERMIN SAKTI.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 924.

### RABU — 3HB OGOS

PAGI

8.50 SIARAN ULANGAN LOOK, LISTEN AND SPEAK 19 (Shapes)

9.20 SIARAN ULANGAN SAINS UNTUK DARJAH 6. (Magnet 3)

10.30 KAP KAP UDANG 925. Rancangan hari ini dimuati dengan aktiviti-aktiviti seperti BERSENAM, MENGATUR GAMBAR, MINUM, BELON SI MANIS, BERCERITA dan CERMIN SAKTI.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 925.

### KHAMIS — 4HB OGOS

PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 926. Dalam rancangan kali ini Cikgu Rokiah dan anak-anak akan membuat aktiviti-aktiviti seperti MAIN MUZIK, SI MANIS, BAKUL, MAIN BANG, NYANYI dan CERMIN SAKTI.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 926.

### SABTU — 6HB OGOS

PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 927. Rancangan hari ini dimuati dengan aktiviti-aktiviti seperti IKUT KETUA, SI AMIN, MINUM, MAIN KERUSI, BERCERITA dan CERMIN SAKTI.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 927.

# RANCANGAN TV MINGGU INI

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

## HARI RABU 27HB JULAI

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.28 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 GIGGLESNORT HOTEL
5.30 WOODY WOODPECKER
6.00 BERITA AWAL
6.05 DIFFERENT STROKES
6.25 321 CONTACT: 'Forces Thursday'
6.42 AZAN MAGHRIB
6.52 321 CONTACT — sambungan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 HART TO HART: 'Chance of Harts'
7.53 AZAN ISYAK
7.58 HART TO HART — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.05 THREE'S COMPANY
9.35 QUINCY
10.25 TAYANGAN GAMBAR: 'Distant Early Warning' Pelakon-pelakon: Michael Parks, Mary Frann, Tony Geary, Herb Edelman, dan lain-lain.
12.05 SIARAN TAMAT.

## HARI KHAMIS 28HB JULAI

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.28 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 JUARA MUTIKA '83 (Ulangan)
5.40 TALES OF MAGIC
6.00 BERITA AWAL
6.05 TIPS: HEALTH
6.15 SAFARI TO ADVENTURE: 'Rattlesnake Hunt'
6.42 AZAN MAGHRIB
6.52 SAFARI TO ADVENTURE — sambungan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 KNIGHT RIDER: 'Short Notice'
7.53 AZAN ISYAK
7.38 KNIGHT RIDER — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 HIDAYAT
9.05 DUNIA MINGGU INI
9.35 REGGIE JACKSON WORLD OF SPORTS
10.35 NINE TO FIVE
11.05 THE DEVLIN CONNECTION
11.50 SIARAN TAMAT.



GAMBAR atas dari kiri John McIntire, John Carradine, Jeanette Nolan. Gambar bawah dari kiri Emma Samms, Alex Cord dan Euncan Regehr adalah antara pelakon-pelakon yang membintangi sebuah siri baru 'GOLIATH AWAITS'. Siri ini akan ditayangkan pada hari Isnin 1hb Ogos akan datang.

## HARI JUMAAT 29HB JULAI

TENGAH HARI

12.00 PEMBUKAAN
12.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
12.13 SUSUNAN RANCANGAN
12.16 CERAMAH AGAMA (ulangan)
12.30 SIARAN LANGSUNG SEMBAHYANG FARDU JUMAAT DARI MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN BANDAR SERI BEGAWAN
1.25 ROAD TO LOS ANGELES

PETANG

2.15 BRET MAVERICK: 'Horse of Yet Another Color'
3.00 MIGHTY MAN AND YURK
3.30 EXPEDITION TO THE ANIMAL KINGDOM: 'In The Jungle of The Lions King'
3.49 AZAN ASAR
3.54 EXPEDITION TO THE ANIMAL KINGDOM — sambungan
4.00 THE LITTLE RASCALS
4.25 SALAM SAYANG SELALU — PUPUT NOVEL (Ulangan)
5.10 THE ELECTRIC COMPANY
5.40 RICKETY ROCKET
6.00 BERITA AWAL
6.05 YOU ASKED FOR IT
6.25 CAMP WILDERNESS
6.42 AZAN MAGHRIB
6.52 CAMP WILDERNESS —

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 TUCKER'S WITCH: 'Dye Job'
7.53 AZAN ISYAK
7.58 TUCKER'S WITCH — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.05 DRAMA: 'Budi' No. 3.
9.35 DALLAS
10.25 BENSON
10.55 SPORTS IMAGES
11.25 CHICAGO STORY: 'Half A Chance' Pt. 2.
12.05 SIARAN TAMAT.

## HARI SABTU 30HB JULAI

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.28 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 SESAME STREET
6.00 BERITA AWAL
6.05 NATURE WATCH: 'Bats'
6.30 ANIMAL WORLD: 'Sea Lion Story'
6.42 AZAN MAGHRIB
6.52 ANIMAL WORLD — sambungan



ROCK HUDSON sebagai Brian Devlin dalam siri The Devlin Connection. S... dapat disaksikan pada hari Khamis kira-kira 11.05 malam.

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE BEST OF THE MIDNIGHT SPECIAL
7.53 AZAN ISYAK
7.58 THE BEST OF THE MIDNIGHT SPECIAL — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.05 MARI MEMASAK
9.35 TAYANGAN GAMBAR INDONESIA
11.05 U.S. OPEN GOLF
12.35 SIARAN TAMAT.

## HARI AHAD 31HB JULAI

PETANG

2.00 PEMBUKAAN
2.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
2.12 SUSUNAN RANCANGAN
2.15 THE GOLDIE GOLD AND ACTION JACK
2.45 THE JEFFERSONS
3.10 SELENDANG SAYANG (Ulangan)
3.49 AZAN ASAR
3.54 SELENDANG SAYANG — sambungan
4.00 PLASTIC MAN
4.30 CHALLENGER: 'Kayak' (Siri baru)
5.00 DR WHO
5.15 TARGET THE IMPOSSIBLE
5.45 THE NEW ADVENTURE OF SPIDERMAN
6.00 BERITA AWAL
6.05 THE NEW ADVENTURE OF SPIDERMAN — sambungan
6.15 LOVE SIDNEY: 'Puppy Love'
6.42 AZAN MAGHRIB
6.52 LOVE SIDNEY — sambungan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 MATT HOUSTON
7.53 AZAN ISYAK
7.58 MATT HOUSTON — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 SEKAPUR SIRIH (Ulangan)
9.20 FORUM No. 4
10.10 MIND YOUR LANGUAGE
10.35 DOKUMENTARI: 'The Nation Family'
11.25 BRIDESHEAD REVISITED
12.20 SIARAN TAMAT.

## HARI ISNIN 1HB OGOS

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.28 SUSUNAN RANCAN...
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 PIGEON STREET ...
5.15 THE PERILS OF ... PITSTOP
5.40 DATARDLY AND ...
6.00 BERITA AWAL
6.05 MANAGEMENT
6.20 EXPEDITION TO TH... KINGDOM
6.40 AZAN MAGHRIB
6.50 EXPEDITION TO TH... KINGDOM — sambun...

MALAM

7.00 BERITA DALAM ... INGGERIS
7.15 TALES OF THE ... — 'Force of Habit'
7.51 AZAN ISYAK
7.56 TALES OF THE ... — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASION...
9.05 ARE YOU BEING ...
9.35 THE VOYAGE OF ... DARWIN: 'Can ... Any Continent. W... Waste ?'
10.35 GOLIATH AWAITS ... 'Sebuah siri baru ... tentang sebuah ... da awal Peperan... telah dijumpai ... di dasar sebuah ... ngan penumpan...
11.25 SIARAN TAMAT.

## HARI SELAS... 2HB OGOS

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 AL-QURAN DAN ... BERDOA
4.28 SUSUNAN RANCAN...
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 THE PHOENIX ... PET (Episod ...
5.30 RICHIE RICH (Siri baru)
6.00 BERITA AWAL
6.05 RIPLEY'S BELIEVE ...
6.40 AZAN MAGHRIB
6.50 RIPLEY'S BELIEVE ... sambungan

MALAM

7.00 BERITA DALAM ... INGGERIS
7.15 FALCON CREST 'Deliberate Disc...
7.51 AZAN ISYAK
7.56 FALCON CREST — ...
8.15 WARTA BERITA
8.35 ARENA SUKAN
9.10 DYNASTY (Siri ...
10.10 TAYANGAN GAM... 'She Is In The A...
11.50 SIARAN TAMAT




## ...NG capai rekod ...ru keselamatan

...NG Brunei ...adakan pen- ... dua juta ... manusia dan ... berturut-turut ... tidak ada ... dalam ... masa pada ... lepas dengan ... perisai- keselamatan ... wakil-wakil ...nya.

...bert, LM di ... beliau ... penyampaian ... dilakukan ...hirkan rasa ... kepada ...kerja LNG ... mendapat ke- ... yang lalu

LNG telah mengalami sembilan kemalangan dalam kehilangan masa dan kecederaan parah dan telah mencapai tempuh kedua bagi dua juta masa bekerja manusia.

Sementara dua juta masa bekerja manusia yang pertama itu telah dicapai pada 6hb Sepetember 1982 dan yang kedua pada awal bulan Mac tahun ini.

Di majlis penyampaian hadiah itu, Awang Heari sempat juga mengingatkan kepada pekerja-pekerja LNG Brunei supaya terus bekerja dengan selamat di sepanjang masa di samping bekerjasama dalam pekerjaan.



... kelihatan sedang menyampaikan Perisai Keselamatan ... Peter Coveney dalam satu majlis penyampaian hadiah

## Paip jenis baru

...Glass reinforce ... saluran paip ... sedang dibuat ... Projek Ke- ... (di Darat), ...nakan bagi ... bekalan air ... Panaga.

... paip 10 inci itu ... diperkenalkan ... dan digunakan ... di Amerika

... nanti akan ... dari loji ... air ke tangki ... dengan ...

... Awang Emmerson, ... penggunaan ... termasuklah ... masa yang ... pemasangan- ... murah, tidak ... ia sejenis

bukan logam di mana 'X' Ray tidak diperlukan dan lain-lain.

Projek itu telah pun dimulakan pada 21hb Jun lepas.

# PEMENANG2 PERADUAN MELUKIS 'BRUNEI KU'

BANDAR SERI BEGAWAN. — Peraduan Melukis 'Brunei Ku' yang dianjurkan oleh Syarikat Pemasaran Shell Brunei telah berakhir dengan satu majlis Penyampaian Hadiah kepada peserta-peserta yang berjaya.

Majlis tersebut telah diadakan di pejabat syarikat tersebut di sini pada hari Jumat lalu.

Pemangku Pengarah RTB, Pengiran Asmalee bin Pg. Ahmad telah diberi penghormatan untuk menyampaikan hadiah kepada pemenang-pemenang.

Peraduan tersebut yang berlangsung awal bulan lepas di seluruh negeri diadakan buat kali kedua. Ini adalah merupakan projek tahunan syarikat tersebut bagi menggalakkan minat kanak-kanak dalam bidang seni lukis.

Lebih dari 600 lukisan telah diterima. Dari jumlah itu sebanyak 120 dipilih setelah pemilihan awal. Dari 120 keping itu, sebanyak 40 dipilih dalam pemilihan suku akhir dan hanya 21 keping lukisan sahaja dipertandingkan untuk peraduan akhir.

Peraduan tersebut dibahagikan kepada empat bahagian.

Kampung Ayer adalah merupakan pemandangan tempatan yang mengatasi senarai pemenang. Ini diikuti oleh berbagai tajuk lukisan yang dipilih oleh kanak-kanak yang termasuk bangunan-bangunan, pertanian, kehidupan binatang, perkembangan industri dan lain-lain.

Berikut ialah keputusan peraduan:

Bahagian Umur 6 — 7 tahun
Pertama
Roni Zai bin Zaini,
Bakti Dewa School Berakas
Tajuk : Pemandangan Alam
Kedua
Suhara Faishal bin Md. Yusop, SPI Kg. Mata-Mata Gadong,
Tajuk : Kampung Ayer
Ketiga
Erwin bin Hj. Mustapa, Sekolah Anggerek Desa, Berakas.
Tajuk: Stadium Brunei.
Saguhati
Md. Hamita bin Md. Taib, Happy Kindergarden School Tutong, Seri Shah Azlan bin Gafar, SPI Pengkalan Batu Kg. Bebuloh Bandar Seri Begawan dan Ak. Mohd. Shamsul Reza Pg. Tengah, International School Bandar Seri Begawan.

Bahagian Umur 8 — 9 tahun
Pertama
Chia Ma Sing, Chung Ching Middle School, Seria,
Tajuk : Oil Rig
Kedua
Ak. Yusyeeman bin Pg. Yusof, Sekolah Melayu Delima Satu Brunei II, Jalan Muara.
Tajuk : Pemandangan Alam.
Ketiga
Erwan Ahmad Hj. Mustapha, Sekolah Anggerek Desa Berakas.
Tajuk : Stadium Brunei.
Saguhati
Liau Lee Sheng, Chung Hwa Middle School Kuala Belait, Md. Zul Iskandar bin Ahmad, Sekolah Melayu Anggerek Desa Brunei II dan Zareena bte Tajul Md. Mejidi, St. Andrews School Bandar Seri Begawan.

Bahagian Umur 10 — 11 tahun
Pertama
Elizawati bte Zabidi, SPI SUAS Muara Brunei II.
Tajuk : Lumba Perahu
Kedua:
Rujiah bte Labau, Sekolah Melayu Selangan Temburong.
Tajuk : Pesta-Pesta.
Ketiga
Khairul Amin bin Hj. Kifli, Sekolah Rendah Pehin Dato Jamil Brunei I.
Tajuk : Sekolah SMJA.
Saguhati
Dk. Maria bte Pg. Damit, Sekolah Rendah Pengiran Dipa Negara Pengiran Jaya, Tutong, Anni bte Tuah, SPI SUAS Muara dan Arbaniah bte Hj. Sablee, Sekolah PGGMB Brunei

Bahagian Umur 12 — 13 tahun
Pertama
B.A. Nazeer Ahmed, St. Andrews School Bandar Seri Begawan.
Tajuk : Kampung Ayer
Kedua
Mohd. Noorhisham bin Mohd. Tamit, SPI Mabohai Brunei.
Tajuk : Kampung Ayer
Ketiga
Rashidin bin Md. Salleh, SPI Anggerek Desa Bandar Seri Begawan.
Tajuk : Stadium Brunei.
Saguhati
Mohammad Asnawi bin Jakir, SPI Perdana Wazir Kuala Belait, Normaslina Salim, SPI Dato Godam Bandar Seri Begawan dan Abd. Rashid bin Hj. Mohammad, St. Adnrews School Bandar Seri Begawan.



Pengiran Asmalee (gambar atas) sedang menyampaikan hadiah kepada salah seorang pemenang dalam Peraduan melukis 'Brunei Ku'. Sementara gambar bawah kelihatan para hakim ketika menghakimkan peraduan tersebut.



## Kerja2 baiki tangki di darat

SERIA. — Jabatan Kejuruteraan Pusat (EDE) di sini kini sedang dalam peringkat akhir pengamatan pengajian yang akan memakan masa dua tahun bagi memberikan wajah baru kepada kelompokan tangki-tangki di padang Seria.

Kebanyakan tangki-tangki tersebut serta peralatan-peralatannya telah pun berusia lebih 25 tahun dan pengajian ini diperlukan bagi menentukan perkakas-perkakas mana yang perlu diganti atau diperbaiki, supaya ianya nanti dapat digunakan berterusan selama beberapa dekad lagi.

Di dalam tangki-tangki tersebut terdapat minyak mentah yang diperolehi daripada kira-kira 700 telaga daratan di Padang Seria. Dan kini terdapat sebanyak 17 kelompokan tangki-tangki yang kebanyakannya dilengkapi dengan bahagian-bahagian miyak mentah ringan dan berat.

Bagi kerja-kerja permulaan, pengubahsuaian akan di lakukan ke atas kelompokan tangki 15 dan akan memakan masa antara tiga hingga empat tahun.

## Kakitangan SSU hadiri taklimat

SERIA. — Kakitangan rendah SSU baru-baru ini telah mengikuti satu taklimat mengenai 'Pengenalan ke arah operasi-operasi pengendalian bahan peralatan' yang diadakan di bilik taklimat SSU.

Antara penerangan-penerangan yang diberikan termasuklah mengenia garis-garis panduan dalam mengendali bahan peralatan sewaktu menggunakan kren dan jentera angkat-susun dengan cara yang selamat dan pencegahan-pencegahannya.

Taklimat telah disampaikan dalam bahasa Melayu dan Inggeris.

## BSP sertai perbarisan

SERIA. — Sebagai salah satu rancangan di dalam perayaan hari kemerdekaan negara ini, Syarikat Minyak Shell Brunei telah diundang untuk mengambil bahagian di dalam upacara perbarisan kehormatan.

Selain dari BSP, upacara baris lalu juga akan diambil bahagian oleh kanak-kanak sekolah, perkumpulan wanita Brunei, nelayan-nelayan, petani-petani, ahli-ahli seni bela diri dan barisan bendera-bendera rasmi Brunei dan lain-lain.

Sementara BSP telah pun memilih seramai 300 orang pekerjanya yang terdiri dari lelaki dan perempuan dari BSP dan BSM bagi Brunei dan LNG mewakili syarikat ini di upacara perbarisan hormat itu.

# SUKAN PELITA

Kelolaan:
Manaf Rahman

## Olahraga terbuka Daerah Belait

SALAH satu acara yang akan dijalankan bagi menyemarak dan memeriahkan sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tahun ini bagi Daerah Belait ialah kejohanan olahraga terbuka.

Kejohanan tersebut dianjurkan oleh jawatankuasa tertinggi perayaan daerah dan adalah kali ketiga ianya diadakan yang bertujuan selain daripada menyemarakkan dan memeriahkan ianya juga khusus bagi mencungkil bakat-bakat serta pada memberi peluang dan galakan kepada yang berminat dalam bidang olahraga.

Ianya akan dibahagikan kepada dua bahagian iaitu antara jabatan-jabatan kerajaan dan antara persatuan belia, kelab, badan sukan, syarikat, swasta dan firma serta perseorangan.

Bagi bahagian antara jabatan kerajaan, sebanyak 13 acara bagi lelaki dan sembilan acara perempuan akan dipertandingkan sementara antara persatuan dan kelab serta lainnya 14 acara bagi lelaki dan 12 acara bagi perempuan.

Antara syarat penyertaan di samping terbuka hanya kepada mereka yang bermastautin dan bekerja di daerah tersebut para peserta hendaklah berumur 16 tahun ke atas manakala peserta perempuan 14 tahun ke atas dan peserta yang menyertai antara jabatan kerajaan tidak dibenarkan memasuki acara antara persatuan dan kelab, dan sebaliknya.

Bagi acara berpasukan (lari berganti-ganti) setiap jabatan dikehendaki bergabung tidak lebih dari dua buah jabatan saja bagi menubuhkan satu pasukan.

Mereka yang berminat bolehlah mendapatkan borang penyertaan dari Pengerusi pertandingan Awang Ismail bin Apong dan hendaklah dikembalikan kepada Setiausaha, Awang Sulaiman bin Haji Udin keduanya di Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan Belait tidak lewat dari 8hb. Ogos depan.

## Kejohanan Piala Borne[o]

# SKUAD KEBANGSAAN GIAT BERLAT[IH]

SKUAD seramai 30 orang pemain bolasepak kini sedang giat menjalani latihan bagi menghadapi kejohanan Piala Borneo bulan depan.

Sekembalinya pasukan kebangsan setelah mengambil bahagian dalam Sukan SEA lepas telah berihat langsung dari latihan seterusnya dan hanya dua minggu dalam puasa mereka menjalankan latihan ringan bagi menjaga kecergasan sedikit.

Kejohanan Piala Borneo yang akan berlangsung di Kucing, Sarawak pada 26hb. hingga 28hb. depan akan menguji sekali lagi keupayaan pasukan negara yang kelakonan mereka begitu menonjol dalam siri Piala Malaysia lepas.

Setelah berjaya memasuki suku akhir dan gagal menembusi di peringkat tersebut, pasukan negara mengulangi 'kelancangan' prestasi mereka bila mana buat julung kalinya berjaya menembusi tembuk separuh akhir pertandingan bolasepak antarabangsa dalam Sukan SEA lepas.

Siapa yang tidak kagum apabila pasukan yang kerdil dan cetek pula dari segi pengalaman berjaya 'mematikan' langkah lawan satu demi satu.

Tapi setakat mana 'kesaktian' mereka yang bersenjatakan semangat berkobar itu melayani dua tetamu yang dibenci tapi di'rindu' Sabah dan Sarawak.

Sepanjang yang diketahui dalam siri Piala Malaysia. Pasukan negara mampu membaca kelemahan pasukan lawan tapi sebaliknya pula dengan kedua pasukan tersebut yang memang telah arif benar dengan kekuatan dan kelemahan pasukan negara.

Ketiga pasukan mempunyai matlamat masing-masing untuk dicapai. Brunei ingin mengekalkan prestasi mereka, menebus kekalahan di tangan Sabah 2-1 dan mengulangi kemenangan ke atas Sarawak 3-0.

Sabah mungkin lebih yakin tentang kedudukan mereka yang setakat ini lebih banyak memonopoli kejuaraan tiga wilayah ini sejak ianya dihidupkan semula. Apa yang penting bagi mereka ialah untuk mengembalikan semula prestasinya terutama untuk membuktikan kemenangan yang mereka capai ke atas Brunei dalam perlawanan Piala Malaysia lepas adalah mutlak.

Dalam skuad sekarang hanya beberapa orang pemain utama saja yang belum melaporkan diri sejak latihan bermula. Dari sumber yang diketahui beberapa orang masih dalam 'belenggu kecederaan' sejak kembali dari SUKAN SEA.

Setakat ini pemain utama yang menjalani sessi latihan termasuk Ali Hj. Ismail, Roslan Hj. Suhaili, Zulkifli Anis, Shari Timbang, Ahmad Metarsad, Ahmad Hj. Mohin dan beberapa muka baru yang turut dipanggil.

Bagaimanapun dalam tempuh sebulan ini kemungkinan skuad bolasepak negara akan beraksi sepenuhnya dan untuk menyertai kejohanan kali ini jurulatih, Awang Duncan McDowell yang membawa anak buahnya beraksi hibat itu sekali lagi akan memimpin para pemain untuk menjuarai Piala Borneo nanti.





IMBASAN kembali pemain-pemain kita (gambar atas) ketika bertemu dengan Sabah di Kejohanan Piala Borneo tahun lalu bertempat di Kompleks JKR, manakala gambar bawah — penjaga gawang kebangsaan, Ali Hj Ismail ketika menyelamatkan bola tendangan dari pemain Sarawak di Kejohanan Piala Malaysia yang lalu.

## 7 Sepas...

PERK...

PERTAND... bolasepak ... sepasukan ... yang ... tahunan ... berlangs... Ahad ... bertemp... Kebajikan ...

Pertand... ialah ... berumur ... bawah ... dan ... johanan ... kepada ... sekitar K...

## Kejohanan bolasepak antara daerah

SETELAH beberapa tahun menghilangkan diri dari dipertandingkan kini menyerlah semula kejohanan bolasepak antara daerah sekali lagi.

Kejohanan bolasepak antara daerah atau 'Piala Presiden' itu akan bermula pada Jumaat ini, 29hb. Julai dengan dua perlawanan dilangsungkan.

Brunei A akan bertemu dengan Temburong A di Padang Kebajikan Berakas dan Belait B dengan Brunei B di Padang Penglima Kuala Belait.

Piala yang menjadi rebutan ini adalah atas sumbangan YB Pemangku Setiausaha Kerajaan Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abd. Rahman yang juga selaku Yang Dipertua Persatuan Bolasepak Amatur Negara Brunei (BAFA).

Persatuan Bolasepak Daerah Belait (BDAFA) diberi penghormatan untuk mengendalikan pertandingan tahun ini dan ianya adalah atas anjuran BAFA.

Menyentuh tentang tujuan pertandingan, pengerusinya, Pg. Alihassan bin DSLJ Pg. Haji Abas berkata: "Di samping menghidupkan semula pertandingan ini atas inisiatif BAFA ianya juga dihasratkan bagi mengketengahkan pemain-pemain yang berpotensi dan berkebolehan serta bagi mencungkil bakat-bakat baru jika ada".

Dalam pada itu memanglah tujuan utamanya adalah pada meningkatkan mutu permainan bolasepak yang nyata semakin berkembang pesat sekarang. Sebab itulah kejohanan ini dikecualikan dari penyertaan pemain-pemain kebangsaan dan pemain-pemain sekolah-sekolah yang mewakili negara di kejohanan-kejohanan belia antarabangsa, kerana untuk memberikan peluang kepada bakat-bakat dan pemain lain untuk membuktikan kebolehan mereka.

Bagaimanapun tambahnya, bekas para pemain kebangsaan dan mereka yang pernah mewakili negara bagi sekolah-sekolah adalah dibenarkan menyertai bagi mewakili daerah masing-masing. Juga para ... dipanggil untuk menyertai ... tetapi belum pasti terpilih ... dikecualikan.

Pertandingan kali ini hanya ... oleh tiga buah daerah. Belait ... dan Temburong dengan ... Daerah Tutong kerana sebab ...

Kejohanan bolasepak antara ... akan menjadi projek tahunan ... setiap tahun persatuan bola... akan diberi penghormatan ... dalikannya.

Sementara itu kejohanan ... sempena Hari Keputeraan telah ... Khamis minggu lepas, yang di... jawatankuasa tertinggi peraya... dalikan juga oleh BAFA.

Lima bahagian akan dipertan... antara jabatan kerajaan, 16 ... 30 tahun ke atas, 40 tahun ke ... persatuan belia dan kebajikan ...

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## ...BAGAI PENGARANG

...-permohonan ... daripada ... berkelayak- ... sebagai ... di Pejabat ... Brunei.

... C. 2 EB. 3 — ... sebulan.

**... Pengalaman :**

... pelajaran Ba- ... Kesusastera- ... Peringkat Ter- ... 3 mata pelajar- ... Biasa (ter- ... pelajaran Se- ... tidak termasuk ... Seni Lu- ... Sijil Am Pela- ...

... pengalaman ... dalam penulisan ... Istiadat dan ... Negeri Brunei.

... menunjukkan kar- ... yang sudah di- ...

... dan menu- ... dengan baik.

... menguasai bahasa ... Inggeris.

**... Lantikan :**

... yang berjaya ... secara berkon- ... tahun dan ... kontrek adalah ... bersama. ... terdiri dari ... akan dilantik ... setelah men- ... percubaan. ... gaji, bonus ... dibayar. Fae- ... termasuklah baksis ... 25 peratus, tam- ... elaun pela- ... anak-anak, cuti ... perumahan, ... (tidak ber- ... membeli kereta.

... ini tidak ada ... dikenakan

Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Pengarah Perjawatan, Jabatan Perjawatan, Brunei.

Tarikh tutup: 25hb Ogos, 1983.

(E/1851/82)

Bil.: 128/1983)

## Ketua Pembantu Teknik

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang berkelayakan untuk dilantik sebagai KETUA PEMBANTU TEKNIK di Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan, Brunei.

C. 3-4 EB. 5—$1735-$2580 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur 25-40 tahun.
b) Mestilah mempunyai Higher National Diploma dalah kejuruteraan Awam dari sesebuah Maktab Teknikal yang diiktiraf atau kelulusan yang sebanding dengannya.
c) Mestilah mempunyai sekurang-kurangnya 5 tahun pengalaman dalam bidang kerja-kerja bangunan, ukur kuantiti dan kejuruteraan mekanikal. Pengalaman dalam kerja-kerja pengawasan mesin-mesin, perkakas-perkakas dan alat-alat sukan dengan baik adalah satu kelebihan.

**Tugas-tugas :**

Bertanggungjawab ke atas segala pengawalan dan pemeliharaan bangunan-bangunan, jentera-jentera, mesin-mesin, perkakas-perkakas dan peralatan-peralatan sukan jabatan yang digunakan untuk perkembangan belia dan sukan.

**Syarat-syarat Lantikan :**

Calon-calon yang berjaya akan dilantik secara berkontrek selama tiga tahun dan pembaharuan kontrek adalah atas persetujuan bersama. Selain daripada gaji, bonus tahunan juga dibayar. Faedah-faedah termasuklah baksis pada kadar 25 peratus, tambang percuma, elaun pelajaran untuk anak-anak, cuti bergaji, bantuan perumahan, pinjaman wang (tidak berfaedah) untuk membeli kereta. Mereka yang terdiri dari rakyat Brunei akan dilantik ke jawatan tetap setelah menjalani satu tempoh percubaan.

Pada masa ini tidak ada Cukai Pendapatan dikenakan di Brunei.

Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Pengarah Perjawatan, Jabatan Perjawatan, Brunei.

Tarikh tutup: 3hb September, 1983.

(E/2288/81)

(Bil.: 140/1983)

## JABATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

1. PENOLONG PENCATAT GARIS OTAK

M. 4-5 EB. 6—$745-$1500 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Mestilah lulus sekurang-kurangnya 4 mata pelajaran di peringkat 'O', termasuk Bahasa Inggeris dan Fizik. Kelulusan dalam mata-mata pelajaran sains di peringkat 'A' adalah merupakan suatu kelebihan.
b) Mestilah berumur antara 18 hingga 30 tahun.

**Tugas-tugas :**

a) Merekod EEG mengikut arahan Pakar Perubatan.
b) Membuat kerja-kerja penyelenggaraan yang mudah.
c) Menyimpan maklumat.
d) Mestilah sanggup bekerja pada waktu-waktu yang tidak tetap.

2. PENYAMBUT TETAMU KESIHATAN

D. 1 EB. 2-3 — $425-$900 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Pemohon-pemohon mestilah wanita yang telah mencapai umur 18 tahun tetapi tidak melebihi 25 tahun.
b) Pemohon-pemohon mestilah Tingkatan II Inggeris dan Darjah IV Sekolah Melayu.
c) Pemohon-pemohon mestilah boleh bertutur dalam bahasa Melayu dengan baik.

**Am :**

Pemohon-pemohon mestilah bersedia bertugas di mana-mana daerah di dalam negeri.

3. TUKANG PANCUT :

E. 1-2-3 EB. 4 — $410-$700 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Pemohon-pemohon mestilah boleh membaca dan menulis.
b) Pemohon-pemohon mestilah sanggup bertugas di mana-mana jua di dalam negeri, berkhemah dan tidur di dalam hutan.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu Salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan - permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil tidak lewat dari 13hb Ogos, 1983.

(E/1723/83)

(Bil.: 139/1983)

## TELECOMMUNICATIONS DEPARTMENT TENDER NOTICES

### PROJECT No. 1051

...ERS are invited from registered Telecoms con... A or B or C classification.

... said tenders are for DISTRIBUTION CABLE, DIS... AREA 15B BERAKAS CAMP OFFICERS ...K TYPE).

... should be placed in the Tenders Board, situated ... office of the State Financial Officer on the ground ... State Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, ... 12.00 noon on Monday 29th August 1983. ... after the said time will be rejected.

... should be submitted in a plain sealed envelope

...ECOMMUNICATIONS DEPARTMENT
... PROJECT No. 1051

... tender documents can be obtained from the ... Director of Telecommunications at Jalan Istana ... Bandar Seri Begawan, Brunei upon a deposit of ... will be refunded to all unsuccessful tenderers. ... deposit will be forfeited from any tenderer who ... a tender.

...ment of Brunei does not bind itself to accept ... any tender.

...ultation and on site inspection of the work is ... tender, and prospective contractors must meet ... Representative at 1000 hours on Thursday ... 1983 at the Main Entrance of RBMR, Berakas ... will not be accepted from contractors who ... the joint on site inspection.

### PROJECT No. 2091

...ERS are invited from registered Telecoms Contrac... or B or C classification.

... said tenders are for EXCAVATING TRENCH IN ... SEALED ROADWAY, LAYING SINGLE ... TO 100 MM, LAYING SMALL SIZE CABLE ... DISTRIBUTION POLE.

... should be placed in the Tenders Board, situated ... office of the State Financial Officer on the ground ... Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, ... 12.00 noon on Monday 8th August 1983, ... after the said time will be rejected.

... should be submitted in a plain sealed envelope

TELECOMMUNICATIONS DEPARTMENT
TENDER FOR PROJECT 2091.

5. Detailed tender documents can be obtained from the office of the Director of Telecommunications at Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan, Brunei upon a deposit of $500.00 which will be refunded to all unsuccessful tenderers. The tender deposit will be forfeited from any tenderer who fails to submit a tender.

6. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

7. Joint consultation and on site inspection of the work is a condition of tender, and prospective contractors must meet with the Director's Representative at 1000 hours on Thursday 4th August 1983 at the North Exchange, Jalan Madang. Tenders will not be accepted from contractors who have not attended the joint on site inspection.

### PROJECT No. 2091/1

1. TENDERS are invited from registered Telecoms Contractors with A or B classification.

2. The said tenders are for CONSTRUCTION OF FJB No. 1, LAYING SINGLE WAY DUCT 100 MM AND DEMOLISHING JRC 14 AND REBUILDING STANDARD 1, RAISING OF MANHOLE.

3. Tenders should be placed in the Tenders Board, situated side the office of the State Financial Officer on the ground floor of the State Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, not later than 12.00 noon on Monday 8th August 1983. Tenders received after the said time will be rejected.

4. Tender should be submitted in a plain sealed envelope marked:—

TELECOMMUNICATIONS DEPARTMENT
TENDER FOR PROJECT 2091/1.

5. Detailed tender documents can be obtained from the office of the Director of Telecommunications at Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan, Brunei upon a deposit of $300.00 which will be refunded to all unsuccessful tenderers. The tender deposit will be forfeited from any tenderer who fails to submit a tender.

6. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

7. Joint consultation and on site inspection of the work is a condition of tender, and prospective contractors must meet with the Director's Representative at 1000 hours on Thursday 4th August 1983 at the North Exchange, Jalan Madang. Tenders will not be accepted from contractors who have not attended the joint on site inspection.

## TAWARAN J.K.R. KUALA BELAIT

### SERIAL No. KB. 55/1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'C' untuk:
PROJEK: PEMBINAAN PEJABAT DAN STOR P.O.L. UNTUK CAWANGAN JALAN RAYA. BUKIT JUAN."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 28hb Julai, 1983.
Tarikh tutup: 1hb Ogos, 1983.
Cagaran tawaran: $200.00.

### SERIAL No. KB. 56/1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'AX' untuk:
PROJEK: MEMBESARKAN BANGUNAN KASTAM SUNGAI TUJUH."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 28hb Julai, 1983.
Tarikh tutup: 1hb Ogos, 1983.
Cagaran tawaran: $600.00.

### SERIAL No. KB. 57/1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pembekal-pembekal untuk:
PROJEK: "MEMBEKALKAN 12 SETS PERABOT SELANGAN BATU KELAS III BAGI 6 BLOK KELAS G PEJABAT AGAMA, KUALA BELAIT."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 28hb Julai, 1983.
Tarikh tutup: 1hb Ogos, 1983.
Cagaran tawaran: $200.00.

### SERIAL No. KB. 58/1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pembekal-Pembekal untuk:
PROJEK: "MEMBEKALKAN 24 SETS PERABOT SELANGAN BATU KELAS III BAGI 4 BLOK KELAS F FLAT AGAMA, KUALA BELAIT."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 28hb Julai, 1983.
Tarikh tutup: 1hb Ogos, 1983.
Cagaran tawaran: $200.00.

### SERIAL No. KB. 59/1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'AX' untuk:
PROJEK: "MENINGGIKAN SEBAHAGIAN YANG DIBANJIRI AIR DI JALAN LIANG/LABI."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 28hb Julai, 1983.
Tarikh tutup: 1hb Ogos, 1983.
Cagaran tawaran: $600.00.

### SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. *Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Pejabat Pegawai Kewangan Negara di Tingkat Bawah Bangunan Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin (pada tarikh-tarikh yang ditetapkan).*
2. *Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.*
3. *Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup ditulis dengan nama projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong, dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei.*
4. *Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.*
5. *Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).*
6. *Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas yang ditetapkan.*
7. *Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.*
8. *Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.*

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## PERMOHONAN BAGI PERKHIDMATAN BAS SEKOLAH

1. SYARAT BAS
   (1) Muatan sebagaimana yang dikehendaki di para 6.
   (2) Memenuhi syarat yang dikehendaki oleh pihak Jabatan Pengangkutan Darat.
   (3) Nilaian harga bas berdasarkan harga TUNAI.
   (4) Penilaian semula harga bas akan diadakan pada selepas tiga dan lima tahun dari tarikh bas tersebut mula berkhidmat.
   (5) Demi untuk keselamatan kanak-kanak sekolah, tiap-tiap sebuah bas sekolah hendaklah mempunyai seorang konduktor (conductor) atau mempunyai pintu automatik serta segala alat-alat keselamatan yang dikehendaki oleh bas perkhidmatan awam.
   (6) Sebarang bas sekolah yang mansuh cukai jalannya (road tax) tidak akan disewa kerana jika terjadi sesuatu perkara yang tidak diingini seperti kemalangan dan lain-lain, pihak insurance tidak akan bertanggung jawab ke atasnya.
   (7) Hal pelisenan adalah tanggungjawab dan urusan pemohon.
   (8) Bas yang disewa adalah sebuah bas mengikut tafsiran Jabatan Pengangkutan Darat bukan pick-up atau land rover dan sebagainya.
   (9) Penyewaan adalah tertakluk kepada kebenaran Lembaga Melisen Kenderaan Bermotor.
2. PERKHIDMATAN
   (1) Bersedia/berkesanggupan menunaikan perkhidmatan dengan baik, selamat dan memuaskan.
   (2) Bersedia pada bila-bila masa membantu Jabatan Pelajaran dalam urusan pengangkutan murid-murid/penuntut-penuntut di luar daripada angkutan harian (umpamanya menghantar/mengambil penuntut-penuntut asrama pada masa cuti-cuti penggal dan sebagainya).
   (3) Sentiasa menjaga keutuhan bas yang berkenaan supaya dapat menyelesaikan tugas-tugasnya dengan sempurna.
   (4) Bertanggungjawab atas keselamatan perjalanan (pergi/balik) penuntut-penuntut angkatannya serta menjamin kehadiran penuntut-penuntut tersebut pada waktu-waktu yang dikehendaki.
   (5) Bertanggungjawab untuk bertindak segera bagi mengadakan ganti (bas lain). Sekiranya bas sekolah tersebut tidak dapat digunakan. Sekiranya gagal berbuat demikian hendaklah dilaporkan kepada pihak Pegawai Kenderaan Jabatan Pelajaran dengan segera. Bayaran bulanan akan dipotong sebanyak mana kadar perkhidmatan yang tidak ditunaikan atau sebanyak mana bayaran yang dibayarkan kepada yang menggantikannya.
3. SYARAT-SYARAT DAN KELAYAKAN PEMOHON
   (1) Semua permohonan mesti menggunakan borang yang disediakan oleh Jabatan Pelajaran.
   (2) Keutamaan adalah diberi kepada permohonan-permohonan daripada Persatuan dan Pertubuhan Awam yang berdaftar daripada permohonan-permohonan perseorangan.
   (3) Keutamaan diberi pada permohonan di kawasan dan daerah yang berkenaan.
   (4) Permohonan-permohonan sama ada perseorangan, syarikat atau persatuan mestilah (ahlinya) terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
   (5) Bagi syarikat atau persatuan mestilah melampirkan senarai ahli dan jawatan yang dipegang oleh ahli dalam syarikat/persatuan.
   (6) Perkhidmatan akan digantung atau diberhentikan terus dengan tidak diberi bayaran ganti rugi atau lain-lain bayaran pada bila-bila masa sebelumnya atau sesudah 36 bulan (3 tahun) perkhidmatan sekiranya didapati salah satu daripada perkara ini berlaku:—
      (a) Perkhidmatan tidak memuaskan.
      (b) Penukaran hak milik daripada nama pemohon yang asal, atau penyelewengan penggunaan sesuatau nama atau pihak.
4. IKATAN PERJANJIAN
   Mana-mana pemohon yang terpilih adalah dikehendaki membuat perjanjian dan pengakuan bertulis sebagai mengikat kontrek kepada Jabatan Pelajaran.
5. SYARAT BAYARAN PERKHIDMATAN
   (1) Jabatan Pelajaran bersedia menggunakan perkhidmatan sesebuah bas tidak kurang daripada 4 tahun.
   (2) Pemohon yang berjaya akan diberi bayaran sejumlah wang, hasil daripada perkiraan yang dinamakan BAYARAN BULANAN, dengan tertakluk kepada ceraian 3 di bawah.
   (3) Pemotongan ke atas bayaran bulanan akan diadakan seperti maksud para 2 (5) atau oleh sesuatu perkara dalam para 3 (6).
6. KEHENDAK-KEHENDAK ADALAH SEPERTI BERIKUT :
   (a) DAERAH BRUNEI DAN MUARA
      Bas — 9 buah
      Bas Mini — 13 buah.
      PERJALANAN-PERJALANAN
      **Bas Mini (16-26 Penumpang)**
      2 buah — Pantai Jerudong/Polo/Katimahar/MMPSBS/SS
      2 buah — Junjungan / SPI Lumapas / SM Sungai Kebun
      2 buah — Kasat/SPI Lumapas/SM Sungai Kebun
      2 buah — Lumapas/SM Sungai Kebun
      1 buah — Subok/SPI Mabohai
      1 buah — Pancur Murai/SMJA/SOASC/STPRI
      1 buah — Burung Lepas/Sinarubai/Bengkurong/SMJA/SOASC/STPRI
      1 buah — Sepanjang Jalan Residency/PTE
      1 buah — Sepanjang Jalan Residence/PTE
      1 buah — Sepanjang Jalan Kota Batu/PTE
      **Bas (40-52 Penumpang)**
      2 buah — Jerudong/SPI Sengkurong/Mulaut
      2 buah — Berakas Kem/MMPSBS/SS/SPI Delima I
      3 buah — Jalan Tutong/MMPSBS/SS
      1 buah — Sepanjang Jalan Tutong/SMM Bendahara Sakam Bunut
      1 buah — Sepanjang Jalan Mulaut/SSM Bendahara Sakam Bunut/SMSMJA/SOASC
   (b) TUTONG
      Bas Mini — 8 buah (16-26 Penumpang)
      Bas — 2 buah (40-52 Penumpang)
      PERJALANAN-PERJALANAN
      **Bas Mini (16-26 Penumpang)**
      2 buah — Bukit Udal/Tutong
      4 buah — Rambai/Ukong/Layong/Sungai Damit/Penapar/Meranti/Lubok Pulau/SPI Tanjong Maya/Tutong
      1 buah — Rambai/SPI Kiudang
      1 buah — Dari lain-lain kawasan Pendalaman/SPI Tanjong Maya dan lain-lain.
      **Bas (40-52 Penumpang)**
      1 buah — Kawasan Layong/Lamunin/SPI Kiudang
      1 buah — Batu 18 Simpang Lamunin/SPI Kiudang
   (c) TEMBURONG
      **Bas (40-52 Penumpang)**
      1 buah — Temada/Bokok/Puni/Bangar
      1 buah — Labu Estate/Batu Apoi/Bangar

## Di Perjawatan, Bahagian Unit Latihan

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa dari calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong di Jabatan Perjawatan, Bahagian Unit Latihan, Brunei.

1. PENOLONG PEGAWAI LATIHAN :
   C. 3 EB. 4 — $1735-$2280 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Pemegang Higher National Diploma dalam Pentadbiran Awam atau Pengurusan/Pengurusan Kakitangan.
   ATAU
   Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya 3 tahun dalam bidang latihan dan telah pernah mengikuti latihan formal mengenai latihan yang dikendalikan oleh Institusi latihan yang diiktiraf.
   ATAU
   Mempunyai Sijil Brunei Cambridge dan telah berkhidmat selama 8 tahun perkhidmatan perkeranian termasuk jawatan Kerani Tingkatan II atau yang sebanding dengannya.
b) Mempunyai pengetahuan asas mengenai kegiatan Jabatan-Jabatan Kerajaan serta hal yang bersangkut dengan Peraturan-peraturan dan Peraturan-peaturan Am Kerajaan dan juga Adat Istiadat Brunei.
c) Berkebolehan untuk mentadbir rancangan-rancangan latihan serta menyediakan rancangan-rancangan kursus-kursus latihan dan kegiatan yang bersangkutan dengannya.

**Umur :**

Antara 22 hingga 40 tahun.

**Latihan :**

Bersedia untuk mengikuti kursus-kursus singkat di dalam dan luar negeri.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab :**

a) Bertanggungjawab kepada Ketua Unit Latihan, Jabatan Perjawatan.
b) Memeriksa dan mengendali kehendak-kehendak latihan di dalam Kerajaan sama ada bersama-sama atau berasingan.
c) Membuat penganalisaan penilaian mengenai latihan.
d) Menyediakan dan mengubasuai isi kursus-kursus latihan, membuat persiapan nota-nota kursus serta penyampaiannya.
e) Membantu di dalam perlaksanaan tugas dan peranan yang dibuat oleh Unit Latihan.
f) Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Ketua Pejabat.

2. PENYELIA KURSUS-KURSUS :
   C. 2 EB. 3 — $1260-$1980 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Mempunyai kelulusan dalam 2 mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Peringkat 'A' dan sekurang-kurangnya 4 mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Peringkat 'O' dan mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja penyeliaan. ...
   ATAU
b) Mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya 3 mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Peringkat 'O' dan mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja penyeliaan sekurang-kurangnya 5 tahun.
c) Mereka yang tidak mempunyai kelulusan di atas tetapi mempunyai pengalaman yang luas terhadap penyusunan dan penyeliaan terutama di dalam segi latihan akan juga dipertimbangkan.
d) Boleh bertutur dalam Bahasa Melayu dan Inggeris dengan baik.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Lapuran Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil tidak lewat dari 11hb Ogos, 1983.

(E/2278/81) (Bil. : 131/1983)

## Di Jabatan Muzium, Bru

PERMOHONAN-permohonan adalah dipela calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Du Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Ya Negara Brunei Darussalam untuk memenu kosong yang berikut di Jabatan Muzium, B

1. PEGAWAI PENYELIDIK :
   C. 2 EB. 3 — $1260-1980 sebulan.
   **Kelayakan dan Pengalaman :**
   a) Mempunyai kelulusan dalam 2 mata Am Pelajaran Peringkat 'A' dan 4 mata pelajaran Sijil Am Pela serta mempunyai kecenderungan penyelidikan.
      ATAU
   b) Mempunyai kelulusan sekurang-kura pelajaran Sijil Am Pelajaran Pering punyai pengalaman dalam kerja-ker kurang-kurangnya 5 tahun.
   c) Pandai menulis dan membaca jawi Daerah dan berkebolehan dalam akan diberi keutamaan.
   d) Mereka yang tidak mempunyai kel telah berkhidmat sekurang-kurangnya Penolong Penyelidik atau sebagainya pengalaman yang luas di dalam pen ja-kerja luar boleh juga dipertimba
   e) Ujian menulis akan diadakan bagi berkelayakan untuk ditemuduga.
2. PELUKIS TINGKAT I :
   C. 1-2 EB. 3 — $1110-$1980 sebulan.
   **Kelayakan dan Pengalaman :**
   a) Mempunyai Diploma yang diakui Rekabentuk Grafik atau kelulusan ngannya.
      ATAU
   b) Berpengalaman sekurang-kurangnya perkhidmatan Kerajaan dalam Ba seperti illustrasi buku-buku dan ker
   c) Dapat menunjukkan kerja-kerja dan sebagai bukti kebolehan.
   d) Calon-calon akan diberi ujian kat dan kebolehan masing-masing.
3. PENYAMBUT/PENJAGA TELEFON
   E. 1-2-3 EB. 4 — $410-$700 sebulan.
   **Kelayakan dan Pengalaman :**
   a) Pemohon-pemohon mestilah berum hingga 30 tahun dan lulus Sijil Brunei atau yang sebanding dengannya.
   b) Keutamaan akan diberi kepada cal pat menguasai dua bahasa iaitu Ba Inggeris.
   c) Calon-calon yang tidak mempuny tersebut di atas tetapi telah berkh jaan sekurang-kurangnya selama 5 tah dipertimbangkan.
4. TUKANG KEBUN/PEMBERSIH :
   F. 1-2-3 EB. 4 — $350-$520 sebulan.
   a) Pemohon-pemohon mestilah ber hingga 45 tahun.
   b) Hendaklah tahu menulis dan me
   c) Pemohon-pemohon yang berumur tahun dan telah bersara boleh juga dipertimbangkan.
   d) Pemohon-pemohon yang tinggal di dekatan dan pernah bekerja berg utamakan.
5. PEMBANTU PENGAWET BENTUK DAN TANGKAPAN :
   D. 1-2 EB. 3-4 — $425-$1175 sebulan.
   **Kelayakan dan Pengalaman :**
   a) Pemohon-pemohon mestilah berum hingga 25 tahun.
   b) Mempunyai kelulusan sekurang-kura lajaran dalam Sijil Am Pelajaran Pe masuk mata pelajaran lukisan atau banding dengannya.
   c) Pemohon-pemohon yang tidak yang tersebut di atas tetapi telah Pejabat Muzium sekurang-kurangnya dan mempunyai pengalaman yang juga diberi pertimbangan.
6. PENOLONG GURU TUKANG TEN
   D. 3-4 EB. 5 — $720-$1290 sebulan.
   a) Pemohon-pemohon mestilah berum hingga 45 tahun dan lulus sekura katan II.
   b) Telah menamatkan sekurang-kurang Kursus-Kursus Tenunan Kain Seni serta telah mengusahakan kerja-ker sekurang-kurangnya 2 tahun sama ada diri di kampung atau di Pusat Ke kang Tangan Brunei. Tahu serba pengajaran menenun kain.

**Tugas-tugas :**

Calon yang berjaya akan bertugas Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan dalam jurusan tenun menenun kain Se

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan daklah menghantar permohonannya melalui K dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyerta dengan permohonan ini satu Laporan Sulit Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dihantar dalam bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah sama-sama dengan salinan surat-surat ak tidak lewat dari 4hb Ogos, 1983.

(E/254/80) (Bil. : 125/1983)

# ...WATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## ... Perubatan dan Kesihatan

...mohonan adalah dipelawa daripada calon-...akan untuk memenuhi jawatan-jawatan ... di Jabatan Perubatan dan Kesihatan,

...OLOGI MAKMAL:
...-$2820 sebulan. Gaji permulaan bergan-... kelayakan-kelayakan dan pengalaman.

...:
...hon hendaklah mempunyai kelulusan Higher ...ma atau Certificate dalam mata pelajaran ...atan atau Fellowship of the Institute of ...ence atau pun kelulusan yang sebanding. ...kan diberi kepada rakyat Brunei dan kepada ... berkelayakan dalam Histology/Cytology.

...:
... dilantik akan berkhidmat di bawah Pa-... sama ada di Hospital Bandar Seri Bega-... Hospital Suri Seri Begawan.

... GIGI:
...-$940 sebulan. Gaji permulaan bergan-... kelayakan-kelayakan dan pengalaman.

...:
...hon mestilah mempunyai salah satu dari-... kelulusan yang berikut: —
...S. B.D.S. (Singapura) atau
...S. Malaya) atau
... Ijazah, Diploma atau lesen yang diiktiraf-... membolehkan didaftarkan oleh General ... Council di United Kingdom.

...:
... mestilah mempunyai beberapa tahun penga-... mempunyai pengalaman dalam Perkhidmatan ... Sekolah-sekolah adalah merupakan satu ... Semua butir-butir mengenai kerja-kerja lati-...raduate work) hendaklah disebutkan semasa ...

...:
... termasuklah memberi rawatan di Sekolah-... rumah-rumah Sakit serta Klinik-klinik Gigi ber..

...ULEH CARA KERJA:
...-$2820 sebulan.

... EB. 15 — $2000-$3660 sebulan.
... bergantung kepada kelayakan-kelayakan ...laman.

...:
...hon hendaklah mempunyai Diploma Occu-... Therapy daripada Sekolah-sekolah Ocuppation-... yang berdaftar atau kelulusan yang sebanding ... berpengalaman. Pengalaman bekerja dengan ... cacat merupakan satu kelebihan.

... Lantikan:
... yang berjaya akan dilantik secara berkontrek ... dan pembaharuan kontrek adalah atas perse-... Mereka yang terdiri dari rakyat Brunei akan ... tetap setelah menjalani satu tempoh per-... daripada gaji bonus juga dibayar, faedah-... baksis pada kadar 25 peratus, tambang ... pelajaran untuk anak-anak, cuti bergaji, ban-... pinjaman wang (tidak berfaedah) untuk mem-...

... tidak ada Cukai Pendapatan dikenakan di ...

...-permohonan mestilah dibuat dalam dua sa-... yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, ...daklah dikembalikan bersama-sama dengan ... akuan dan sijil-sijil kepada Pengarah Jaba-... Brunei.

... 27hb Ogos, 1983.
(Bil.: 134/1983)

## ...gai Wireman Tingkat 1

...-permohonan ... daripada ... terdiri dari ... Duli Yang ... Paduka Seri ... dan Yang Di-... Brunei Darus-... dilantik sebagai ...TINGKAT 1 di ... Brunei.

... 1-2-3 EB. 4 ...

... Pengalaman:
... mestilah ... kurang dari ... dan mempunyai ... enam ... prakti-... electrical wire-...

... mestilah ... electrical ... rajah-rajah

... mestilah ... pengetahuan ... alat-alat ke-... yang digunakan ... electrical

d) Pemohon-pemohon mestilah tahu tentang pemeliharaan dan overhaul am bahagian electrical starter motor bateri-bateri, generator-generator kecil, peralatan lighting dan electrical motors.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Pengarah Perjawatan, Jabatan Perjawatan, Brunei.

Tarikh tutup: 29hb Ogos, 1983.

(E/549/77)
(Bil. 135/1983)

## DI JABATAN KEMAJUAN KERJASAMA, BRUNEI

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di Jabatan Kemajuan Kerjasama, Brunei.

1. PEGAWAI PEMBEKALAN AM:
C. 3-4 EB. 5 — $1735-$2580 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan-kelayakan dan pengalaman.
**Kelayakan dan Pengalaman:**
a) Mestilah berumur 25 hingga 45 tahun.
b) Mempunyai kelulusan Higher National Diploma (Business Studies) atau kelulusan yang sebanding dengannya serta mempunyai kelulusan dalam Bookkeeping sebagai salah satu mata pelajaran.
c) Pengalaman dalam mengendalikan stor perbekalan serta mengimport barang-barang adalah merupakan satu kelebihan.
d) Pengetahuan Bahasa Melayu adalah perlu.

2. PENYELENGGARA STOR TINGKATAN I:
D. 4 EB. 5 — $980-$1290 sebulan.
**Kelayakan dan Pengalaman:**
a) Pemohon-pemohon mestilah lulus Tingkatan II Inggeris atau yang sebanding dengannya.
b) Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya selama 4 tahun dalam kerja-kerja Penyelenggara Stor.
c) Mempunyai pengetahuan dalam mengurus barang-barang stor, alat-alat kelengkapan dan alat-alat ganti yang berbagai bentuk adalah merupakan satu kelebihan.

3. PENYELENGGARA STOR TINGKAT III:
E. 1-2-3 EB. 4 — $410-$700 sebulan.
**Kelayakan dan Pengalaman:**
a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 18 hingga 25 tahun dan lulus sekurang-kurangnya Tingkatan III atau yang sebanding dengannya.
b) Calon-calon yang tidak mempunyai kelayakan yang tersebut di atas tetapi mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja Penyelenggara Stor boleh juga dipertimbangkan.

**AM:**
Calon-calon yang berjaya hendaklah bersedia untuk berkhidmat di mana-mana sahaja di dalam negeri.

4. PEMANDU TINGKAT I:
F. 3-4 EB. 5 — $430-$560 sebulan
**Kelayakan dan Pengalaman:**
a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 25 hingga 45 tahun serta boleh menulis dan membaca.
b) Pemohon-pemohon mestilah mempunyai lesen memandu Kelas 3 dan 5 yang sah dan tidak pernah didakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu serta boleh membaiki kerosakan-kerosakan kecil.
c) Pemohon-pemohon mestilah telah berkhidmat sebagai Pemandu Tingkat II sekurang-kurangnya selama 3 tahun.
d) Mempunyai pengalaman memandu semua jenis kenderaan adalah merupakan satu kelebihan.

**Am:**
Calon-calon yang berjaya mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift). Calon-calon yang berjaya hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana saja di dalam negeri.

5. PEKERJA STOR:
F. 1-2-3-4 EB. 5 — $350-$560 sebulan.
**Kelayakan dan Pengalaman:**
Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 20 hingga 45 tahun serta boleh membaca dan menulis rumi.

6. PENJAGA:
F. 1-2 EB. 3 — $350-$470 sebulan.
**Kelayakan dan Pengalaman:**
a) Berumur tidak kurang dari 25 tahun.
b) Hendaklah tahu menulis dan membaca rumi.
c) Mempunyai pengalaman menjaga dan mengawas harta benda Kerajaan adalah merupakan satu kelebihan.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil tidak lewat dari 13hb Ogos, 1983.

(E/1223/83) (Bilangan: 136/1983)

## Di dalam Perkhidmatan Kerajaan

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan perkhidmatan Kerajaan.

1. PEMBANTU UKUR KAPAL: (di Jabatan Laut)

**Tanggagaji:** D. 3-4 EB.5— $720-$1290 sebulan.
**Kelayakan dan Pengalaman:**
a) Sijil kecekapan sebagai Master of Local Trade ship.
b) Calon-calon mestilah mempunyai pengetahuan yang mendalam mengenai kapal-kapal yang dibina dari besi-waja dan kayu yang panjangnya sehingga 150 kaki dan mengenai kelengkapan penyelamat di dalam kapal dan alat-alat pemadam api.
c) Calon-calon mestilah boleh menyediakan laporan-laporan dan butir-butir kerosakan-kerosakan dalam kapal. Pengalaman di segi pentadbiran hal ehwal laut adalah merupakan suatu kelebihan.

**Tugas-tugas:**
Meriksa kapal-kapal kecil dan lancaran-lancaran untuk tujuan pendaftaran dan pengeluaran lesen sebagai Bot-Bot Barang Muatan, Bot-Bot Penumpang dan Kapal-kapal Menangkap Ikan. Bertanggungjawab bagi mempastikan bahawa kapal-kapal yang diberikan lesen itu berkeadaan baik dan dilengkapi dengan kelengkapan alat-alat penyelamat syarat-syarat yang diluluskan. Tugas-tugas pentabiran yang lain mengenai dengan perkapalan dan hal ehwal laut.

2. PEMBANTU TEKNIK (Kejuruteraan Bangunan dan Awam): (di Askar Melayu Diraja Brunei)

**Tanggagaji:** D. 1-2-3 EB. 4-5 — $425-$1290 sebulan.
**Kelayakan dan Pengalaman:**
a) Mestilah berumur antara 18 hingga 45 tahun.
b) Mestilah mempunyai City and Guilds Final Certificate dalam mata pelajaran-mata pelajaran yang sesuai atau kelulusan yang sebanding dari mana-mana Maktab Teknikal yang di iktiraf.
ATAU
Mempunyai sekurang-kurangnya tiga tahun pengalaman praktikal dalam salah satu, atau lebih, cawangan-cawangan kerja kejuruteraan yang berikut:—
Kerja-kerja kejuruteraan Awam (Bangunan), Ukur Kuantiti; Pembekalan Air daripada Parit dan Taliair; kerja-kerja Saluran Najis; Kejuruteraan Structural; dan Kerja-kerja Pembinaan Jalan Raya.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan - permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Pengarah Perjawatan, Jabatan Perjawatan, Brunei.

Tarikh tutup: 8hb Ogos, 1983.
(E/208/82)
(Bil.: 129/1983)

## Di Pejabat Pusat Sejarah, Brunei

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di Pejabat Pusat Sejarah, Brunei.

1. PEMBANTU PEGAWAI PENYELIDIK

**Tanggagaji:** D. 1-2-3 EB. 4-5 — $425-$1290 sebulan.
**Kelayakan dan Pengalaman:**
a) Mempunyai kelulusan dua mata pelajaran peringkat 'O' (tidak termasuk mata pelajaran Seni Lukis) dalam sijil Am Pelajaran.
b) Mempunyai bakat dan kecenderungan dalam kerja-kerja penyelidikan.
c) Boleh menulis dan membaca Jawi dengan baik.

2. PEGAWAI PERPUSTAKAAN KANAN:

**Tanggagaji:** C.1-2 EB.3 — $1110-$1980 sebulan.
a) Mempunyai kelulusan dua 'A' Level serta mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja perpustakaan sekurang-kurangnya 5 tahun.
ATAU
b) Mempunyai kelulusan tiga mata pelajaran peringkat 'O' serta mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja perpustakaan sekurang-kurangnya 8 tahun.
ATAU
c) Mempunyai pengalaman yang luas dalam kerja-kerja perpustakaan sekurang kurangnya 10 tahun dan pernah mengikuti sesuatu kursus dalam bidang perpustakaan.
d) Boleh menguasai Bahasa Melayu dan Inggeris dengan baik serta pandai menulis dan membaca jawi.
e) Keutamaan akan diberi kepada calon-calon yang mengetahui hal ehwal kerja perpustakaan rujukan.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Pengarah Perjawatan, Jabatan Perjawatan, Brunei.

Tarikh tutup: 23hb Ogos, 1983.
(E/1854/82)
(Bil.: 120/1983)

## Sebagai Pemandu Outboard

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai PEMANDU OUTBOARD di Jabatan Perikanan, Brunei.

**Tanggagaji:** F.2-3-4-5 EB.6 — $390-$620 sebulan.

Pemohon-pemohon mestilah mempunyai pengalaman memandu outboard selama 3 tahun dan boleh memperbaiki kerosakan-kerosakan kecil bagi jentera outboard.

**Tugas-tugas:**
Calon-calon yang berjaya akan dikehendaki memandu perahu-perahu berjentera Jabatan dan juga bertanggungjawab dalam pemeliharaan harian ke atas perahu-perahu dan enjin-enjin dan mestilah bersedia menjalankan tugas-tugas di luar waktu-waktu bekerja.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya, dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Pengarah Perjawatan, Jabatan Perjawatan, Brunei.

Tarikh tutup: 9hb Ogos, 1983.
(E/1092/77)
(Bil.: 133/1983)

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## JABATAN KERJA RAYA, BRUNEI — PEMBERITAHUAN TAWARAN

### BIL. 288 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pembekal-Pembekal untuk:

MENGADAKAN HARGA C.I.F. UNTUK PELBAGAI BARANG-GANTI BAGI MESIN-MESIN DAN JENTERA-JENTERA BERAT BAGI BENGKEL PEJABAT KERJA RAYA, BRUNEI.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 28hb Julai, 1983.

Tarikh tutup: 1hb Ogos, 1983.
Cagaran tawaran: $500.00.

### BIL. 289 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK: "MEMBEKAL, MENYERAHKAN KE TAPAK BINA DAN MENEMPATKAN BARANG-BARANG PERABOT DAN ALAT-ALAT KELENGKAPAN PADANG PERMAINAN BAGI PUSAT LATIHAN POLIS BARU DI JALAN KAMPUNG TUNGKU GADONG, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 4hb Ogos, 1983.

Tarikh tutup: 8hb Ogos, 1983.
Cagaran tawaran: $500.00.

### BIL. 290 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'C' dan ke atas untuk:

PROJEK: "MENIMBUS TAMBAHAN DAN MEMPERBAIKI KAWASAN SEKOLAH ARAB (LAKI-LAKI) SULTAN HASSANAL BOLKIAH, BRUNEI.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 28hb Julai, 1983.

Tarikh tutup: 1hb Ogos, 1983.
Cagaran tawaran: $100.00.

### BIL. 291 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Specialist untuk:

PROJEK: "KERJA-KERJA PEMBESARAN PEMBAIKAN SALURAN NAJIS BANDAR TUTONG — KONTREK No. 2 — MEMBEKAL DAN MEMASANG GRIT REMOVAL PLANT (KERJA-KERJA MEKANIKAL DAN ELEKTRIK)."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Syed Muhammad dan Hooi Jurutera Perunding, Giok Tee Building, 66-67 Jalan McArthur, Bandar Seri Begawan, hingga jam 4.00 petang hari Khamis 25hb Ogos, 1983.

Tarikh tutup: 29hb Ogos, 1983.
Cagaran tawaran: $1,000.00.

### BIL. 292 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'B' dan ke atas untuk:

PROJEK: "KERJA-KERJA PEMBESARAN PEMBAIKI SALURAN NAJIS BANDAR TUTONG — KONTREK No. 1 — KERJA-KERJA KEJURUTERAAN AWAM."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Syed Muhammad dan Hooi Jurutera Perunding, Giok Tee Building, 66-67, Jalan McArthur, Bandar Seri Begawan, hingga jam 4.00 petang hari Khamis 11hb Ogos, 1983.

Tarikh tutup: 15hb 1983.
Cagaran tawaran: $5,000.00.

### BIL. 293 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK: "CADANGAN KLINIK BIDAN LUAR BANDAR (STANDARD) DAN BALAI RAYA DI KAWASAN PERPINDAHAN KAMPUNG SERASA, MUARA, BRUNEI."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 28hb Julai, 1983.

Tarikh tutup: 1hb Ogos, 1983.
Cagaran tawaran: $500.00 + $100.00 (untuk lukisan).

### BIL. 294 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK: CADANGAN KLINIK BIDAN LUAR BANDAR (STANDARD) DAN BALAI RAYA DI KAWASAN PERPINDAHAN, KAMPUNG MATA-MATA, BRUNEI."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 28hb Julai, 1983.

Tarikh tutup: 1hb Ogos, 1983.
Cagaran tawaran: $500.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL. 295 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pembekal-pembekal untuk:

MEMBEKAL (C.I.F. BRUNEI) DAN MENGHANTAR 3 UNIT HAMMING ROTARY AIR COMPRESSOR DAN EXHAUSTER KE STOR BAHAGIAN SALURAN NAJIS, J.K.R.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 28hb Julai, 1983.

Tarikh tutup: 1hb Ogos, 1983.

### SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Pejabat Pegawai Kewangan Negara di Tingkat Bawah Bangunan Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin (pada tarikh yang ditetapkan).
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama Projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong, dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya Brunei, Bandar Seri Begawan, Brunei.
5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bone-fide tender).
6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas yang ditetapkan.
7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

### BIL. 296 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK: "MENINGGIKAN BAHAGIAN JALAN RAYA DAN JAMBATAN BAGI PUSAT BELIA DAN KOMPLEKS SUKAN YANG DICADANGKAN DI KUALA BELAIT.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Cooper, MacDonald & Partners Jurutera Perunding, 210 Chandrawaseh Complex, Mile 1½, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 4hb Ogos, 1983.

Tarikh tutup: 8hb Ogos, 1983.
Cagaran tawaran: $500.00.

### BIL. 297 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK: "CADANGAN TAMBAHAN BANGUNAN BALAI BOMBA YANG ADA DI BANDAR TUTONG, TUTONG, BRUNEI."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 28hb Julai, 1983.

Tarikh tutup: 1hb Ogos, 1983.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL. 298 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'B' dan ke atas untuk:

PROJEK: "PEMBINAAN PUSAT PERHIMPUNAN DI KAMPUNG MENENGAH, TEMBURONG."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 28hb Julai, 1983.

Tarikh tutup: 1hb Ogos, 1983.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (untuk lukisan).

### BIL. 299 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK: "RANCANGAN PERPINDAHAN KAMPUNG MATA-MATA KERJA-KERJA PENANAMAN RUMPUT MENGGUNAKAN HYDROSEEDING PROCCESS."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 28hb Julai, 1983.

Tarikh tutup: 1hb Ogos, 1983.
Cagaran tawaran: $500.00.

### BIL. 300 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK: PEMBAIKAN SISTEM TALI AIR YANG ADA, PERINGKAT 1 — KONTREK No. 2 BATU 2, JALAN GADONG, SELATAN.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Librakonsult, Jurutera Perunding, ... Seri Shopping Complex, Mile 1, Jalan Tutong, ... Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis ... 1983.

Tarikh tutup: 15hb Ogos, 1983.
Cagaran tawaran: $500.00 + $100.00 ...

### BIL. 301 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong Kelas 'B' dan ke atas untuk:

PROJEK: MEMASANG 6" A.C. PAIP ... JALAN KUALA TUTONG.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh ... didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga ... hari Khamis 4hb Ogos, 1983.

Tarikh tutup: 8hb Ogos, 1983.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 ...

### BIL. 302 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pembekal untuk:

PROJEK: "MESS PEGAWAI PENANJONG ... BEKAL ALAT PERABOT."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh ... didapati di Akitek Bersatu, 148, Jalan Pemancha, ... Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis ... 1983.

Tarikh tutup: 15hb Ogos, 1983.
Cagaran tawaran: $500.00.

### BIL. 303 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK: "MEMBAIKI JAMBATAN ... JALAN MULAUT, BRUNEI."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh ... didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga ... hari Khamis 4hb Ogos, 1983.

Tarikh tutup: 8hb Ogos, 1983.
Cagaran tawaran: $100.00.

## Sebagai Kerani Bahasa A...

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang berkelayakan untuk memenuhi jawatan kosong sebagai KERANI BAHASA ARAB di Jabatan Hal Ehwal Agama, Bunei.

**Tanggagaji**: E. 1-2-3 EB. 4 $410-$700 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman**:

a) Calon-calon mestilah sudah mencapai umur 18 tahun;
b) Sekurang-kurangnya lulus Sijil Rendah Pelajaran atau yang sebanding dengannya;
c) Mengetahui Bahasa Arab dengan baik dan mempunyai Ilmu Pengetahuan Agama;
d) Boleh menaip huruf-huruf Jawi dan Arab dengan baiknya; dan
e) Calon-calon yang tidak mempunyai (b) di atas tetapi ia mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang luas dalam perkara (c) dan (d), maka permohonannya akan dapat dipertimbangkan.

**Syarat-syarat Lantikan**:

Calon-calon yang berjaya akan dilantik ... trek selama tiga ... pembaharuan ... atas persetujuan ... Mereka yang ... rakyat Brunei ... ke jawatan tetap ... jalani satu tempoh ... Selain daripada ... tahunan juga ... dah-faedah ... pada kadar 25 ... bang percuma ... jaran untuk ... bergaji, bantuan ... pinjaman wang ... faedah) untuk ...

Pada masa ... Cukai Pendapatan ... di Brunei.

Permohonan ... mestilah dihantar ... salinan borang ... dapati daripada ... jawatan, Brunei ... lah dikembalikan ... surat dengan ... surat akuan ... kepada Pengarah ... Jabatan Perawaian ...

Tarikh tutup ... 1983.

(E/411/75)
(Bil.: 124 ...)

## SUCCESSFUL TENDERS

1 Tender for Govt Offices, KB — Yong ... Ltd — $7,221,538.02 — 22 months.
2 Tender for soil investigation for rehabilitation ... Muara / Tutong — Sh Geotechnique ... weeks.
3 Tender for toilet block, SMPDS ... Al-Faizin — $35,228.80 — 120 days.
4 Tender for conversion of drawing room ... — Sablina Gen Construction — $49,485.75 ...
5 Tender for electrical installation, Berakas ... Station — Lee Jong Elec — $44,107.00.
6 Tender for electrical installation, G flat ... Brunei Electric Co — $58,287.00.
7 Tender for extension of Religoius Dept ... kat Indra Puri — $331,813.45 — 8 months.
8 Tender for Govt Housing Muara — F ... — $5,161,613 — 14 months.
9 Tender for electrical and fire protection ... Kon Kim Elec Co — $453,187.00.
10 Tender for office, Tanah Jambu — Sharikat ... sendirian — $43,375 — 75 days.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## Jabatan Radio dan Televisyen, Brunei.

...mohonan adalah dipelawa daripada calon-... rakyat Duli Yang Maha Mulia Paduka ... dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei ... memenuhi jawatan-jawatan kosong yang ... Radio dan Televisyen, Brunei.

... (TV)

...5 — $1735-$2580 sebulan. Gaji permulaan ... kelayakan-kelayakan dan pengalaman.

... Pengalaman :

... National Diploma seberang laut yang ... yang sebanding dengannya terutama se-... jurusan seni bagi kreativiti dalam pe-...-rancangan televisyen.

...-kurangnya 3 tahun pengalaman se-... Penerbit (TV) dan telah membuktikan ... yang bermutu. Sijil Persekolahan ... yang sebanding dengannya dalam mata ... Melayu, Inggeris, Seni Lukis dan lain-... paut dengan kreativiti adalah mus-...

...-rancangan dengan apa sahaja yang ... penyelidikan, membuat skrip, memilih dan ...-penyumbang dan artis luar, me-...-kemudahan bagi liputan luar, mem-... rekabentuk dan pembinaan set, studio dan ... pengarahan rancangan.

... SARIKATA :

...5 — $720-$1290 sebulan. Gaji permulaan ... kelayakan-kelayakan dan pengalaman.

... Pengalaman :

... Tingkatan V dan GCE Peringkat 'O' ... pelajaran Bahasa Melayu dan Inggeris ... menulis dn bertutur dalam Bahasa Melayu ... Berkeupayaan berfikir dan bertindak ... dalam suasana tegang. ... dalam kerja-kerja menaip dan trengkas ... kelebihan.

... berjaya mestilah bersedia untuk ber-... dikehendaki di luar masa pekerjaan ... secara bergilir-gilir (shift). Calon-... festilah bersedia untuk bertugas di ... di dalam negeri.

3. PENOLONG PERSEMBAHAN RENDAH :

D. 1-2-3 EB. 4-5 — $425-$1290 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan-kelayakan dan pengalaman.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

Lulus Tingkatan V Melayu atau Inggeris, fasih menulis dan bertutur dalam Bahasa Inggeris bagi mereka daripada aliran Melayu adalah satu kelebihan. Mempunyai sijil menaip, cergas pada pemikiran dan mempunyai minat yang cergas dalam rancangan-rancangan TV. ATAU Pemohon-pemohon yang tidak mempunyai kelayakan yang tersebut di atas, tetapi mempunyai pengalaman professional yang bersesuaian dengan kebolehan yang terbukti dalam tugas-tugasnya sekurang-kurangnya selama 2 tahun boleh juga dipertimbangkan.

**Tugas-tugas :**

Membantu Pengawas MCR menyusun kapsen-kapsen rancangan, menaip susunan rancangan, meneliti slide-slide dan cartridge-cartridge. Mencatat waktu pemancaran yang tepat bagi semua rancangan-rancangan dan iklan-iklan perdagangan yang dijadualkan dan mengambil alih lain-lain tugas seperti yang dikehendaki oleh Pengawas MCR.

4. PENOLONG PENERBIT (TV)

C. 1-2 EB. 3 — $1110-$1980 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

Lulus sekurang-kurang 2 mata pelajaran GCE Peringkat 'A' atau yang sebanding dengannya, atau mempunyai Diploma Penerbitan Televisyen dan minat mengenai penerbitan rancangan-rancangan seperti sukan, agama, musik dan hiburan. Perlu boleh menulis dan bertutur dalam Bahasa Inggeris dan Melayu. Permohonan-perhomonan daripada kakitangan-kakitangan RTB akan dipertimbangkan dengan syarat pemohon-pemohon itu mempunyai minat yang mendalam serta kebolehan/pengetahuan yang luas mengenai penerbitan televisyen dan telah memegang jawatan masing-masing sekurang-kurangnya selama tiga tahun.

**Tugas-tugas :**

Membantu menerbitkan rancangan-rancangan am rancangan-rancangan tertentu yang diarahkan oleh Ketua Penerbitan Televisyen. Rancangan-rancangan yang diterbitkan boleh juga diertikan sebagai rancangan-rancangan ringan, walau bagaimanapun, kualiti dan teknik penerbitannya mestilah mencapai tahap yang diterima.

5. PENOLONG PENGAWAS PAKAIAN DAN SOLEK :

D. 3 EB. 4-5 — $720-$1290 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan-kelayakan dan pengalaman.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Berumur di antara 21 hingga 35 tahun.
b) Mempunyai 3 tahun pengalaman dalam teknik-teknik solek dan menghias di samping pengalaman yang sama dalam bidang pakaian.
c) Kelayakan akademik yang baik merupakan satu kelebihan.

**Tugas-tugas :**

Menurut penempatan tugas-tugas di Bahagian Pakaian dan Solek.

6. PENOLONG PERPUSTAKAAN FILEM

D. 1-2-3 EB. 4-5 — $425-$1290 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan-kelayakan dan pengalaman.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

Lulus Tingkatan V Melayu atau Inggeris. Kebolehan dalam taip menaip dan kebolehan yang baik dalam Bahasa Inggeris merupakan satu kelebihan.

**Tugas-tugas :**

Memberi bantuan kepada Pegawai-pegawai Perpustakaan dalam apa-apa cara yang diperlukan. Dijangka mempelajari peraturan perpustakaan Filem dan Pita, membantu dalam penerimaan dan penghantaraan filem dan pita, membuat katalog dan dokumentasi. Memeriksa jangka masa filem-filem dan menyediakannya untuk pemancaran. Mana-mana tugas lain yang difikirkan sesuai bagi pemeliharaan dan pengurusan yang teratur perpustakaan oleh Pegawai Perpustakaan Kanan.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatannya itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan-permohonan hendaklah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil tidak lewat dari 22hb Ogos, 1983.

(E/18/75) (Bilangan 141/1983)

## SUCCESSFUL TENDERS

...UKU BRUNEI DARUSSALAM"—Federal ... (S) Pte Ltd — $147,000.
... Tujuh Road — Liew Then Kui — $2767,- ... months.
... barracks, Jalan Kumbang Pasang — Pem-... Mokti & Anak2 — $10,690 — 60 days.
...-run stone, Jalan Kota Batu — Chop Bee ... — 6 months.
... C and F flats, Kg Serusop—Seri Bang-... Merchandise Co — $123,715 — 16 weeks.
... Puteri China etc — Sh Pemborong Wa-... 450 — 4 months.
... House, Seria — Hj Md Yusof Mohammad — ... month.
... cemetery — Sh Pembangunan Luma-... — 6 weeks.
... furniture, PSC building — Ting's Furni-... 50 — 2 months.
... Muara Secondary School — Sung Lee & ... — $327,246.55 — 5 months.
...ation, Hassanal Bolkiah Arabic Secondary ... Elec & Eng Co — $42,241.
... Ali Mosque — Orbit Gen Const — $17,362 ...
... Teacher Training College — Hj Mohd ... Mokti — $132,325 — 100 days.
... Kupang mosque—Orbit Gen Const—$7,137 ...
... Kiulap Hospital—Glamour Dept Store ... — 4 months.
... sumps, Ong Sum Ping — Sh Hj Salleh ... — $78,620.
... for State Stores, Gadong — Glory Ent — ... months.
... Mile 2½ to 2¾, Jalan Kebangsaan — Tumasek ... — $155,500 — 3 months.
... pipes across Jalan Tutong Main Road — ... Co — $36,050 — 3 weeks.
... Pandan Lima, KB — Yong Sok Gen ... — 2 months.
... MB and SUK's residences — Dynasty Corpn ... — 3 months.
... AAC Seria — Hj Salim Tarsad — ... months.
... mosques — Ho & Far Const Co—$27,977 ...
... SOAS Field, Jalan Lintang — Sh Thunder ... — 35 weeks.
... School, Lumut—Sh Kemajuan Pembangunan ... — 10 months.
... PWD Industrial site, Kg Sinarubai — ... yd) — 4 months.
... rubber fenders, BSB Wharf — Sh Hj Salleh ... — $57,720 — 5 months.
... Maya Penanar — Pemborong Johari ... — $392,000 @ $2.45/cu yd — 4 months.
... Clinic, General Hospital — Sh Matahari ... — 4 months.

## ASKAR MELAYU DIRAJA BRUNEI
## PERPINDAHAN BAGI DEPOT LOGISTIK

IBU Pejabat, PC & A, bahagian Procurement dan Unit Pentadbiran Depot Logistik, AMDB akan berpindah pada 25hb Julai 1983 ke tempat yang baru di Bolkiah Kem. Pintu masuk untuk ke Depot ialah melalui Pusat Latihan, Bolkiah Kem.

Barang-barang Stor hendaklah dihantar ke Berakas Kem sehingga pemberitahuan nanti.

Nombor telefon yang baru yang disenaraikan di sini ialah Bandar Seri Begawan 30531 dan sambungannya adalah seperti berikut : —

| | | | |
|---|---|---|---|
| OC | 125 | WOIC Local Purchase | 134 |
| 21C/OC Procurement | 141 | Admin Officer | 129 |
| OC PC & A | 130 | WOIC Procurement | 144 |
| Depot Planning Officer | 148 | WOIC PC & A | 131 |
| OIC Contracts/DP | 142 | WOIC Accounts | 132 |

## Sebagai Pembantu Teknik

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai PEMBANTU TEKNIK di Jabatan Penerbangan Awam, Brunei.

**Tanggagaji :** D. 1-2-3 EB. 4-5 — $425-$1290 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Mestilah berumur antara 18 hingga 25 tahun.
b) Mempunyai G.C.E. 'O' level dan lulus dalam mata pelajaran Ilmu Hisab dan Fizik.
c) Mestilah mempunyai City and Guilds Intermediate Certificate dalam mata-mata pelajaran yang sesuai atau kelulusan yang sebanding dari mana-mana Maktab Teknikal yang di iktiraf.
ATAU
Mempunyai sekurang-kurangnya 3 tahun pengalaman praktikal dalam salah satu atau lebih cawangan-cawangan kerja kejuruteraan Telekom atau Elektronik termasuk kerja-kerja rekabentuk dan pemeliharaan aalat-alat Radio.

**Tugas-tugas :**

Pemohon-pemohon yang berjaya hendaklah sanggup bekerja secara bergilir-gilir (shift). Kerja-kerja penyelenggaraan biasa terhadap alat-alat elektronik lapangan terbang termasuklah membuat kerja-kerja luar membaiki kabel, mengubahsuai alat-alat kelengkapan, mendawai dan membantu dalam kerja-kerja pemasangan.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Pengarah Perjawatan, Jabatan Perjawatan, Brunei.

Tarikh tutup : 23hb Ogos, 1983

(E/17/82)
(Bil. : 145/1983)

## PEMBERITAHUAN TAWARAN PERKHIDMATAN2 ELEKTRIK BRUNEI

**TAWARAN BIL. : 79/1983**

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pembekal Sistem Perhubungan Bergerak yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran yang beralamat di Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei sehingga jam 12.00 tengah hari, hari Isnin, 1hb Ogos, 1983 bagi kerja-kerja berikut:—

UNTUK MEMBEKAL DAN MEMASANG SISTEM PERHUBUNGAN BERGERAB.

Dokuman-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Airport Lama, Jalan Berakas, Brunei.

Deposit (cengkeram) untuk tawaran ini adalah $1.000.00.

**TAWARAN BIL.: 84/1983**

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong pemasangan elektrik yang berdaftar Kelas "A", "B" dan "C" yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran yang beralamat di Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei sehingga jam 12.00 tengan hari, hari Isnin, 8hb Ogos, 1983 bagi kerja-kerja berikut:—

PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK 4 BILIK DARJAH TAMBAHAN DI S.M. AMO, TEMBURONG.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan - Perkhidmatan Elektrik, Airport Lama, Jalan Berakas, Brunei.

Cengkeram (deposit) untuk tawaran ini adalah $100.00.

**TAWARAN BIL. . 85/1983**

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong pemasangan elektrik yang berdaftar Kelas "A", "B" dan "C" yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran yang beralamat di Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bander Seri Begawan, Brunei sehingga jam 12.00 tengah hari, Isnin, 8hb Ogos, 1983 bagi bagi kerja-kerja berikut : —

PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK 4 BILIK DARJAH TAMBAHAN DI S.M. PENGKALAN BATU, LIMAU MANIS, BRUNEI.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan - perkhidmatan Elektrik, Airport Lama, Jalan Berakas, Brunei.

Deposit (cengkeram) untuk tawaran ini adalah $100.00.

## MOVE OF REGIMENTAL LOGISTIC DEPOT
## ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT

THE Headquarters, PC & A, Procurement Branch and Unit Administration of the Regimental Logistic Depot, RBMR will move to the new Depot location at Bolkiah on 25th July 1983. Entrance to the Depot is through Training Centre RBMR.

Stores should continue to be delivered to Berakas Camp until further notice.

The new telephone number will be Bandar Seri Begawan 30531 and key extensions are as follows :

| | | | |
|---|---|---|---|
| OC | 125 | WOIC Local Purchase | 134 |
| 21C/OC Procurement | 141 | Admin Officer | 129 |
| OC PC & A | 130 | WOIC Procurement | 144 |
| Depot Planning Officer | 148 | WOIC PC & A | 131 |
| OIC Contracts/DP | 142 | WOIC Accounts | 132 |

# Falsafah Kenegaraan

Dari muka 1

Berhubung dengan corak pemerintahan masa hadapan, beliau menjelaskan bahawa pihaknya bukanlah pada taraf dan kedudukan yang boleh meramal dan menentukannya.

Tetapi yang jelas ialah kita sedapat daya cuba melihat dan membayangkan corak pemerintahan masa hadapan itu dengan berbekalkan faham yang betul mengenai asas-asas falsafah kenegaraan kita, sekali pun ia kelihatan walih jika dibandingkan dengan asas serta falsafah kenegaraan orang lain namun ia telah ternyata mendatangkan kebajikan kepada kita dan kepada Negara Brunei Darussalam.

Falsafah kenegaraan kita itu, menurut beliau, bukan suatu yang baru dirumuskan. Ia sudah lama berfungsi tetapi sudah sekian lama pula ia tidak disebutkan sejelas-jelasnya, tidak disoroti atau diteliti dengan sebaik-baiknya; dan kita tidak cuba berterus terang menyebutkannya dan memperkatakannya sehingga dalam hal yang tertentu menjadikannya sebagai suatu konsep yang kabur.

"Kekaburan mengenai satu-satu isu apalagi yang melibatkan konsep kenegaraan, dari segi operasi Penerangan, adalah tidak menolong memperkukuhkan strategi menjadikan rakyat dan orang ramai memahami rangkaian kejadian sekitar hal-ehwal negara dan kerajaan. Ini akan menjadikan mereka sukar untuk digerakkan menyertai dan mendukung kerajaan, sukar menerima dan memihak kepada dasar-dasar Negara Brunei Drussalam, dan yang lebih penting lagi ialah sukar menjadikan mereka merasa terlibat serta mempunyai penyertaan dalam menentukan Kerajaan dapat berfungsi dengan sebaik-baiknya bagi faedah rakyat dan negara," jelas Pengarah Penerangan lebih lanjut.

# Ujian lisan S.A.P. 'A' level

BANDAR SERI BEGAWAN. — Lembaga Peperiksaan Brunei mengumumkan kepada calun-calun persendirian bahawa ujian lisan bagi peperiksaan Sijil Am Pelajaran Singapura-Cambridge 'A' Level (Aliran Melayu) 1983 akan diadakan bulan depan di enam buah pusat ujian.

Pusat No. 860 - di Pusat Tingkatan Enam Gadong pada 15hb hingga 20hb Ogos, di Pusat No. 861 -Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan/ Sekolah Sains, Jalan Muara pada 22hb dan 23hb Ogos. Pusat No. 868 di Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim, Tutong pada 24hb dan 25hb Ogos.

Pusat No. 864, 866, 863, 865 di Sekolah Melayu Pusar Ulak, Bandar Seri Begawan pada 15hb hingga 24hb Ogos, Pusat 862 di Sekolah Menengah Melayu Mohd Alam Seria, pada 25hb hingga 27hb Ogos dan di Pusat 867 di Sekolah Menengah Melayu Sultan Hassan Bangar, Temburong pada 29hb Ogos.



Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna ketika bersabda di majlis itu. Gambar oleh Haji Mohammad Metassan.

# KAUM WANITA DISERU LIPATGANDAKAN USAHA

BANDAR SERI BEGAWAN — Kaum wanita di negara ini sama ada pegawai dan kakitangan kerajaan atau swasta diseru supaya melipatgandakan usaha dan menyatukan pemikiran, bergerak melengkapkan diri masing-masing dengan kesedaran dan pengetahuan serta khidmat untuk kemuliaan bangsa, ugama dan negara dengan berlandaskan nilai-nilai ugama Islam yang maha suci.

Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna berseru demikian ketika bersabda selaku tetamu kehormat di majlis kesyukuran atas kejayaan qariah kita Dayang Hajjah Masni bte Haji Abdi Manaf yang menduduki tempat kedua dalam musabaqah membaca Al-Quran peringkat antarabangsa di Kuala Lumpur baru-baru ini. Majlis itu berlangsung di Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan pada Ahad lepas atas anjuran maktab tersebut

Y.T.M. itu bersabda kemajuan dan kemantapan sebuah negara adalah bergantung juga kepada sikap dan pemikiran kaum wanita.

Berhubung dengan kejayaan Dayang Hajjah Masni itu Y.T.M. bersabda "Ini adalah sebagai bukti bahawa negara kita yang tercinta ini adalah berkeupayaan untuk mengetengahkan qari-qari dan qariah-qariah yang berkebolehan dan berkemampuan, setanding dengan negara yang telah sudah lama dikenal dan berpengalaman di dalam bidang pembacaan Al-Quran ini."

Terdahulu sebelum itu Y.T.M. telah juga mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Dayang Hajjah Masni atas kejayaan cemerlang yang telah beliau capai sehingga dapat mengharumkan nama negara kita di peringkat antarabangsa.

Majlis hari itu dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh qariah yang diraikan dan kemudiannya diikuti dengan ucapan sembah alu-aluan oleh Dayang Hajjah Maznah bte Mohammad

Turut berangkat ke majlis tersebut ialah Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Nor'ain dan Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Rakiah. Di antara yang hadir termasuklah Y.D.M. Dayang-Dayang Diraja Datin Seri Utama Hajjah Rosnah dan pensyarah-pensyarah maktab tersebut.

## Pengaruh asing gagal:

# KITA TIDAK KESAL BAHKAN PATUT BANGGA DAN SYUKUR

KUALA BELAIT. — Pengarah Penerangan, Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman menegaskan kita tidak menyesali kegagalan pengaruh politik asing untuk mengubah falsafah kenegaraan kita atau mengurangkan ciri-ciri kedaulatan Raja ke atas rakyat dan negara bahkan sebaliknya setiap orang patut berbangga dan bersyukur yang Brunei tetap teguh sebagai sebuah negara yang bertuhankan Allah s.w.t., bersultan dan beradap sopan.

Sedangkan, jelas beliau lagi, di mana-mana, sejarah telah membuktikan bahawa pengaruh politik asing ke atas sesebuah negeri terutama sekali pengaruh kuasa-kuasa Barat mahupun kuasa-kuasa Timur telah menghilangkan atau menghapuskan dan sekurang-kurangnya mengurangkan nilai-nilai kebanggaan sesuatu bangsa terutama sekali sistem dan falsafah pemerintahan bangsa tersebut dan kerajaannya.

Beliau menyatakan demikian dalam Majlis Ramah Mesra Penerangan sempena Aidilfitri di Dewan Sekolah Inggeris Perdana Wazir pada pagi hari Ahad lalu.

Alhamdulillah, katanya, sepanjang pengalaman kita dalam hubungan dengan Inggeris, asas kenegaraan kita yang berbentuk menerusi pengalaman berkerajaan dan berpemerintahan sebagai Kesultanan Melayu Islam telah terpelihara dengan izin Allah.

Beliau selanjutnya mengajak orang ramai di seluruh negara ini memahami kedudukan kerajaan dan pemerintahan negara ini supaya tidak mudah terkeliru dalam meneliti sebarang fahaman dan konsep politik.

Bahagian Penerangan, jelas Awang Haji Badaruddin lagi, dalam gerakannya mengetengahkan perkara seumpama ini bukanlah bertujuan untuk memburuk-burukkan amalan serta pengalaman orang lain dalam mana-mana sistem dan falsafah yang diikutinya. Tetapi untuk faedah-faedah semua adalah mustahak kita mengenal dengan jelas dan memahami dengan baik akan kedudukan kerajaan serta pemerintahan menurut amalan serta pengalaman yang sudah menjadi falsafah kenegaraan kita iaitu memberi dan meletakkan kedaulatan kepada Raja secara berperlembagaan dan berundang-undang.

Orang ramai di negara ini, kata beliau, pada keseluruhannya boleh mengukur sejauh mana falsafah yang menerima dan menjunjung kedaulatan Raja, kepimpinan Baginda dan kepimpinan dalam kerajaan Baginda itu telah mendatangkan faedah-faedah yang berkebajikan kepada negara dan rakyat.

Kita dapat mengukur dengan sebaik-sebaik berdasarkan pertimbangan yang waras, ikhlas lagi jujur ke atas berbagai-bagai kehidupan kita seluruhnya, terang Pengarah Penerangan lebih lanjut.

Sekali pun kemajuan telah dianugerahkan oleh negara kepada kita dari segi taraf hidup dan pelajaran yang mana telah menjadikan kita berpengetahuan, berilmu dan berpengalaman menurut selera zaman ini tetapi tidaklah sepatutnya dan selayaknya pengetahuan dan pengalaman itu untuk memperkecilkan-kecilkan nilai-nilai yang baik dalam kehidupan kita sendiri.

Pengarah Penerangan selanjutnya menambah, mungkin kita mempersoalkan kesesuaian falsafah bernegara yang memberi dan meletakkan kedaulatan kepada Raja itu dan ketahanannya tetapi persoalan yang sebenar ialah keupayaan kita sendiri untuk menentukan kesesuaiannya itu yakni dengan terlebih dahulu merasa bangga sebagai bangsa yang mempunyai ciri-ciri kemuliaan dalam kenegaraan dan berkerajaan berasaskan falsafah yang berakar umbi dalam kebudayaan kita sendiri.

"Saya tidak fikir kita akan mempersoalkan kebaikan falsafah tersebut di mana kononnya rakyat semata-mata berserah dan menyerahkan nasib kepada negara. Sebab menerusi kenyataan-kenyataan sepanjang pengalaman bangsa kita dari dahulu hinggalah sekarang ini, kita selamanya menerima dan menjunjung hak serta keadilan," jelas Awang Haji Badaruddin lagi.

Berdasarkan itu, kata beliau, dan juga berdasarkan pengalaman berkerajaan dan berpemerintahan menurut falsafah yang sedemikian itu — setakat ini — tidak ada sebab yang kuat untuk kita merasa waham dan walang akan terpedaya atau diperdayakan oleh sesiapa semata-mata kerana kita meyakini dan menjunjung tinggi falsafah tersebut.

# Kejohanan catur di Tutong

TUTONG. — Persatuan Catur Tutong akan menganjurkan kejohanan catur perseorangan bagi peringkat daerah Tutong pada 29hb. Julai '83. Kejohanan tersebut adalah bagi memperingati sempena hari Keputeraan D.Y.M.M., yang ke-37 dan akan diadakan di Sekolah Melayu Penanjong, Tutong mulai 9.00 pagi.

Borang-borang untok memasuki perlawanan itu boleh didapati daripada:—

Setia Usaha Persatuan Catur, Awang Murni bin Ismail S.B.E.S. Tutong Tel; 21802, dan Awang Larik bin Hidup Jabatan RTB, Tutong.

# Perhimpunan Pemimpin

BANDAR SERI BEGAWAN. — Majlis Belia Negara Brunei akan mengadakan Perhimpunan Pemimpin-Pemimpin Belia bertempat di Pusat Belia di sini pada 7hb Ogos depan.

Tujuannya ialah untuk menyatukan ahli-ahlinya bagi meningkatkan persefahaman dan kerjasama tenaga belia di negeri ini dalam memiliki konsep baru dalam hal-ehwal hidup berbelia. Ianya juga akan dapat pula meningkatkan tahap penglibatan kaum belia dalam membangun negara pada menjamin keutuhannya sebagai sebuah bangsa dan negara yang berdaulat.

Antara lain yang ingin dicapai melalui perhimpunan tersebut nanti ialah berdialog dalam beberapa masalah asas yang sedang dihadapi oleh angkatan belia pada waktu ini baik dari segi pentadbiran, pengurusan di peringkat majlis/persatuan atau kewangan, keahlian dan lain-lain.

DITERBITKAN OLEH BAHAGIAN PENERANGAN, JABATAN SETIAUSAHA KERAJAAN DAN DICETAK OLEH JABATAN PERCETAKAN KERAJAAN BRU